

The copyright © of this thesis belongs to its rightful author and/or other copyright owner. Copies can be accessed and downloaded for non-commercial or learning purposes without any charge and permission. The thesis cannot be reproduced or quoted as a whole without the permission from its rightful owner. No alteration or changes in format is allowed without permission from its rightful owner.



**PERANAN JURUAUDIT DALAM HUBUNGAN DI ANTARA
KOMPLEKSITI DAN KELEWATAN AUDIT BAGI
SYARIKAT-SYARIKAT YANG TERSENARAI DI BURSA
MALAYSIA**



**MASTER OF SCIENCE
(INTERNATIONAL ACCOUNTING)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
DISEMBER 2018**

**PERANAN JURUAUDIT DALAM HUBUNGAN DI ANTARA KOMPLEKSITI DAN
KELEWATAN AUDIT BAGI SYARIKAT-SYARIKAT YANG TERSENARAI DI
BURSA MALAYSIA**

Oleh



**Disertasi dikemukakan kepada
Othman Yeop Abdullah Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Utara Malaysia,
dalam Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains (Perakaunan Antarabangsa)**



Pusat Pengajian Perakaunan
Tunku Puteri Intan Safinaz

TUNKU PUTERI INTAN SAFINAZ SCHOOL OF ACCOUNTANCY

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA KERTAS PENYELIDIKAN
(Certification of Research Paper)

Saya, mengaku bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certified that)

AZLIANA BINTI SELIMAN (821432)

Calon untuk Ijazah Sarjana

(Candidate for the degree of)

MASTER OF SCIENCE (INTERNATIONAL ACCOUNTING)

telah mengemukakan kertas penyelidikan yang bertajuk
(has presented his/her research paper of the following title)

**PERANAN JURUAUDIT DALAM HUBUNGAN DI ANTARA KOMPLEKSITI DAN KELEWATAN AUDIT
BAGI SYARIKAT –SYARIKAT YANG TERSENARAI DI BURSA MALAYSIA**

Seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas penyelidikan
(as it appears on the title page and front cover of the research paper)

Bahawa kertas penyelidikan tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.

(that the research paper acceptable in the form and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the research paper).

Nama Penyelia : **PROF. MADYA DR. SHAMHARIR ABIDIN**
(Name of Supervisor)

Tandatangan :
(Signature)

Tarikh :
(Date)

6/12/2018

KEBENARAN MERUJUK

Dalam membentangkan disertasi ini sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah pasca-siswazah dari Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti bebas pemeriksaan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk menyalin disertasi ini dalam apa-apa cara, secara keseluruhan atau sebahagiannya, bagi tujuan ilmiah boleh diberikan oleh penyelia saya atau semasa ketiadaannya oleh Dekan daripada Othman Yeop Abdullah Sekolah Siswazah Perniagaan. Perlu difahamkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau penggunaan disertasi ini atau sebahagian daripadanya bagi tujuan mendapat keuntungan kewangan adalah tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis dari pengarang. Hal ini juga perlu difahami bahawa pengiktirafan hendaklah diberi kepada pengarang dan Universiti Utara Malaysia untuk sebarang kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada disertasi ini.

Kebenaran untuk menyalin atau penggunaan bahan-bahan disertasi ini, secara keseluruhan atau sebahagiannya boleh diajukan kepada:

Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Accountancy
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Laporan audit adalah sumber maklumat penting yang dijadikan rujukan oleh para pelabur, pemegang saham, pihak bank, pemiutang perdagangan, kerajaan dan orang awam. Maka, kelewatan penerbitan penyata kewangan wajar dielakkan agar pihak berkepentingan dapat menggunakan maklumat yang terkandung di dalam penyata kewangan tepat pada masanya untuk membuat keputusan penting. Kajian ini menyiasat pengaruh juruaudit dalam mengatasi hubungan antara kompleksiti perniagaan dan kelewatan audit di kalangan syarikat-syarikat yang tersenarai di pasaran utama dan pasaran ACE berdasarkan data sekunder yang diperolehi dari Bursa Malaysia. Kelewatan audit diukur berdasarkan perbezaan dalam bilangan hari antara tarikh tutup akaun syarikat dengan tarikh laporan juruaudit dikeluarkan. Kajian ini merangkumi 349 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia bagi tahun 2015 dan 2016 (N = 698). Dapatan kajian menunjukkan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia, secara purata, mengambil masa lebih daripada tiga bulan untuk mengeluarkan laporan penyata kewangan mereka. Penemuan kajian ini juga menunjukkan bahawa jenis juruaudit, bilangan anak syarikat, leveraj, jenis pendapatan dan saiz syarikat berhubungan secara signifikan dengan kelewatan audit. Manakala pendapat audit dan nisbah penghutang dan inventori kepada jumlah aset tidak signifikan kepada kelewatan audit. Kajian ini mengesyorkan agar kajian masa depan menggunakan masa nyata yang dibelanjakan untuk mengaudit akaun syarikat dan bukan bilangan hari sebagai ukuran untuk masa yang diambil untuk menyelesaikan kerja audit kerana dengan menggunakan jam kerja sebenar dalam mengenal pasti kelewatan audit akan memberikan keputusan kajian yang lebih tepat.

Kata Kunci: kelewatan audit, ketepatan masa laporan kewangan, firma Malaysia

ABSTRACT

Audit report is an important source of information that is used by investors, shareholders, bankers, trade creditors, governments, and the public. Therefore, delays in the issuance of financial statements should be avoided so that stakeholders can use the information contained in the financial statements in a timely manner to make important decisions. This study investigates the influence of auditors in the relationship between business complexity and audit delay among Malaysian listed companies on the main markets and the ACE market by using secondary data from Bursa Malaysia. Audit delay is measured based on the difference in number of days between the closing date of the company account were closed to the date of the external auditor's report issued. This study covers 349 listed companies on Bursa Malaysia for 2015 and 2016 (N = 698). It was found that the companies, on average, took more than three months to release their financial reports. The findings show that auditor type, number of subsidiaries, leverage, sign of income and company size are significantly related to audit delay. While audit opinion and the proportion of receivables and inventory to total asset are insignificant towards audit delay. This study recommends that future studies use the actual time spent on auditing the company accounts and not based on the number of days taken to complete the audit work because by using real time in identifying audit delays will give the more accurate results.

Keywords: audit delay, timeliness of financial reports, Malaysian firms

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia serta inayahnya diberikan saya kekuatan, semangat dan ketabahan bagi menyiapkan kertas kerja ini. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih khusus buat penyelia saya Prof. Madya Dr. Shamharir Bin Abidin, yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, nasihat serta meluangkan masa membantu saya sepanjang pelaksanaan kajian ini. Beliau telah banyak memberi pengajaran, komen, panduan, kesabaran serta inspirasi terutamanya pada waktu sukar saya. Kertas kerja ini tidak akan dapat disempurnakan tanpa input yang begitu berharga dan juga kepakaran beliau.

Penghargaan paling istimewa saya tujukan kepada suami tercinta, Mohamad Hisyam Bin Baharom atas sokongan, motivasi, inspirasi, galakan dan bantuan sepanjang kita melalui proses pengajian ini walaupun pelbagai rintangan yang telah kami hadapi bersama. Tidak terlupa juga kepada ayahanda dan bonda serta ibubapa mertua kerana melahirkan, mendidik dan membimbing saya dan suami hingga ke hari ini. Buat anak-anak tersayang, Nur Irdina Mardiah, Muhammad Danial dan Muhammad Adam, mama ingin memohon ampun dan maaf atas kesibukan mama dan papa sepanjang melalui proses pembelajaran dan menyiapkan kertas kerja ini. Semoga kejayaan kami ini menjadi perangsang untuk anakanda semua berjaya kelak. Tidak ketinggalan juga penghargaan ini ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri kerana telah berjaya mengharungi cabaran sepanjang kursus pengajian ini. Terima kasih atas sokongan semua yang memberi inspirasi dari mula hingga ke garisan penamat. Tanpa sokongan semua, tidak mungkin kejayaan ini dapat dicapai.

KANDUNGAN

PERAKUAN KERJA KERTAS PENYELIDIKAN	ii
KEBENARAN MERUJUK	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
Kandungan	vii
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Singkatan	xi
BAB SATU	1
Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Organisasi Bab Dalam Tesis	9
BAB DUA	10
SOROTAN LITERATUR DAN PEMBANGUNAN HIPOTESIS	10
2.1 Pengenalan	10
2.2 Kelewatan Audit (<i>Audit Delay</i>)	10
2.3 Pembolehubah Hipotesis	38
2.3.1 Jenis Juruaudit (<i>Auditor Type</i>)	38
2.3.2 Kompleksiti (<i>Complexity</i>)	40
2.4 Pembolehubah Terkawal	42
2.4.1 Leveraj (<i>Leverage</i>)	42
2.4.2 Jenis Pendapatan (<i>Sign of Income</i>)	43
2.4.3 Saiz Syarikat (<i>Company Size</i>)	44
2.4.4 Pendapat Audit (<i>Audit Opinion</i>)	45
2.5 Teori-teori Penting	46
2.5.1 Teori Agensi (<i>Agency Theory</i>)	46
2.5.2 Teori Isyarat (<i>Signaling Theory</i>)	49
2.5.3 Teori Ketergantungan Sumber (<i>Resource Dependency Theory</i>)	50
2.6 Ringkasan	52
BAB TIGA	53
REKA BENTUK DAN METODOLOGI KAJIAN	53
3.1 Pengenalan	53

3.2	Kerangka Kerja Penyelidikan	53
3.3	Pengukuran Pembolehubah.....	55
3.3.1	Pengukuran Pembolehubah Bersandar.....	55
3.3.2	Pengukuran Pembolehubah Hipotesis.....	55
3.3.2.1	Jenis Juruaudit (AUDTYP).....	55
3.3.2.2	<i>Inventory Receivable</i> (INVREC)	56
3.3.2.3	Bilangan Subsidiari (SUBS)	56
3.3.3	Pengukuran Pembolehubah Perantara.....	57
3.3.4	Pengukuran Pembolehubah Terkawal.....	57
3.3.4.1	Leveraj (LEV).....	57
3.3.4.2	Jenis Pendapatan (LOSS).....	58
3.3.4.3	Saiz Syarikat (SIZE)	58
3.3.4.4	Pendapat Audit (AUDOPI)	59
3.4	Pengumpulan Data	61
3.5	Spesifikasi Model.....	62
3.6	Analisis Data.....	63
3.6.1	Analisis Deskriptif	63
3.6.2	<i>Pearson Correlation</i>	64
3.6.3	<i>Multiple Regression Analysis</i>	64
BAB EMPAT.....		66
DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN.....		66
4.1	Pengenalan	66
4.2	Analisis Deskriptif	66
4.3	Analisis Korelasi.....	74
4.4	Analisis Regresi	77
BAB LIMA		82
PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN.....		82
5.1	Pengenalan	82
5.2	Batasan Kajian	82
5.3	Rumusan	83
5.4	Penyelidikan Masa Hadapan.....	86
RUJUKAN.....		88

Senarai Jadual

Jadual 2.1	Ringkasan Kajian Terdahulu Tentang Kelewatan Audit	20
Jadual 3.1:	Ringkasan pengukuran pembolehubah	59
Jadual 3.2:	Pemilihan Sampel Kajian	61
Jadual 3.3:	Davis Scale Model	63
Jadual 4.1:	Statistik Diskriptif untuk pembolehubah mengikut kategori	66
Jadual 4.2:	Statistik Diskriptif bagi Kelewatan Pelaporan Audit (N = 698)	67
Jadual 4.3:	Bilangan syarikat dan selang masa laporan audit bagi tahun 2015 dan 2016	68
Jadual 4.4:	Bilangan syarikat yang memilih untuk diaudit oleh <i>Big 4</i> dan <i>non-Big 4</i> berdasarkan jenis pasaran	69
Jadual 4.5:	Analisis Deskriptif bagi syarikat yang disenaraikan di Malaysia pada 2015 – 2016	72
Jadual 4.6:	Pearson Correlation	75
Jadual 4.7:	Multiple regression (N = 698)	80

Senarai Rajah

Rajah 3.1: Rangka kerja penyelidikan

54



Senarai Singkatan

ACE	'Access, Certainty, Efficiency'
ARL	Audit Report Lag
IFRS	International Financial Reporting Standards



BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Setiap syarikat dikehendaki menyediakan penyata kewangan dan perlu diaudit oleh juruaudit bertauliah bagi mengesahkan kebenarannya. Objektif utama laporan tahunan (*annual reports*) adalah untuk memberi maklumat kepada pengguna yang mempunyai kuasa, keupayaan atau sumber yang terhad bagi mendapatkan maklumat dan hanya bergantung pada penyata kewangan sebagai sumber utama maklumat mereka (Radebaugh *et al.*, 2006). Manakala penyata kewangan (*financial statements*) adalah salah satu daripada kandungan laporan tahunan.

Penyata kewangan memberikan maklumat berguna kepada pelbagai kumpulan pengguna seperti pelabur, pemberi pinjaman, bank, pembekal, kerajaan, pekerja, dan sebagainya. Pelabur dan pemegang saham memerlukan maklumat kewangan yang dapat dikeluarkan tepat pada masanya untuk membuat sebarang keputusan pelaburan. Maklumat yang tertangguh sudah tidak berguna lagi kepada para pemegang saham dalam proses membuat keputusan pelaburan. Sebelum membuat keputusan pelaburan, pihak berkepentingan (*stakeholders*) yang mengambil bahagian dalam pasaran modal perlu membiasakan diri dengan magnitud konsistensi kualiti pelaporan kewangan dan kesempurnaan laporan tahunan yang telah diaudit (Bakar, Arshad, Omar dan Razali, 2014). Syarikat-syarikat pula memerlukan sumber dana pelaburan ini secepat mungkin untuk membiayai operasi dan pertumbuhan mereka.

Kelewatan audit telah menarik ramai penyelidik dan organisasi untuk mengkaji mengenainya. Menurut Cohen, Krishnamoorthy dan Wright (2004), dalam menentukan ketepatan masa pelaporan kewangan, banyak faktor-faktor yang perlu ditonjolkan seperti peranan juruaudit luaran, juruaudit dalaman, lembaga pengarah dan jawatankuasa audit terutamanya dalam menghadapi kompleksiti perniagaan pada masa kini. Selang masa laporan audit ialah perbezaan antara akhir tahun fiskal dengan tarikh laporan kewangan dilepaskan kepada orang awam (Chambers and Penman, 1984). Ketepatan masa laporan kewangan menjadi isu penting kesan perubahan fenomena dalam kedua-dua teknologi moden dan amalan perniagaan di seluruh dunia (Owusu-Ansah dan Leventis, 2006). Abdulla (1996) berpendapat bahawa ketepatan masa adalah tempoh terpendek antara akhir tahun perakaunan dan tarikh laporan diterbitkan. Banyak cendekiawan telah menonjolkan bahawa ketepatan masa pelaporan kewangan sebagai proksi selang masa laporan audit. Selang masa laporan audit adalah tempoh antara tarikh akhir tahun perakaunan dengan tarikh laporan juruaudit dikeluarkan (Blankley, Hurtt dan MacGregor, 2015; Pham, Dao dan Brown, 2014; dan Austine, Chijioke dan Henry, 2013). Kelewatan dalam pengesahan laporan kewangan oleh juruaudit akan mencerminkan kualiti pelaporannya. Setiap syarikat dalam usaha mendapatkan keyakinan para pemegang saham atau pelabur perlu memastikan bahawa mereka dapat menyediakan maklumat perakaunan yang boleh dipercayai dan tepat pada masanya.

Pada masa akaun syarikat ditutup, pengarah syarikat akan menyediakan laporan kewangan lengkap yang diaudit oleh juruaudit bebas sebelum penyata kewangan diterbitkan kepada umum (Azubike dan Aggreh, 2014). Tempoh masa yang diperlukan untuk proses penyediaan laporan kewangan biasanya sehari hingga beberapa bulan untuk disiapkan. Alhazaimah, Palaniappan, dan Almsafir (2014) mentakrifkan selang masa laporan audit sebagai tempoh masa antara akhir tahun kewangan dengan tarikh laporan kewangan diterbitkan. Alhazaimah

et al. (2014) juga menambah bahawa laporan juruaudit dilihat sebagai pandangan bebas dari pihak ketiga yang memberikan pandangan tentang pelaporan kewangan.

Bagi memastikan kualiti pelaporan penyata kewangan beraudit berada di tahap yang baik, pengawal selia sekuriti telah mengenakan kekangan masa bagi penerbitan maklumat kewangan oleh syarikat awam tersenarai, tetapi membenarkan waktu yang mencukupi untuk penyediaan maklumat kewangan yang boleh dipercayai (Brown, Dobbie and Jackson, 2011). Di Malaysia, Bursa Malaysia Securities Berhad bertanggungjawab dalam penyediaan, pengendalian dan penyelenggaraan pertukaran sekuriti. Seperti yang dinyatakan dalam Perenggan 9.23 (1) Keperluan Penyenaian, laporan tahunan yang telah diaudit dan penyata kewangan lengkap mestilah dikemukakan oleh semua syarikat tersenarai dalam tempoh enam bulan selepas berakhir tahun kewangan bagi menggalakkan laporan kewangan untuk dikemukakan dalam masa yang dibenarkan. Pada tahun 2013, Bursa Malaysia telah meminda perenggan 9.23 (1) di mana tempoh yang dibenarkan bagi syarikat untuk mengemukakan laporan kewangan telah dipendekkan kepada lima bulan bermula pada 31 Disember 2014 dan seterusnya kepada empat bulan pada 31 Disember 2015.

Ketepatan masa dalam pelaporan audit telah dipertimbangkan oleh badan penetapan piawaian perakaunan (*accounting standard setting bodies*) di seluruh dunia sebagai bahagian terpenting dalam penghasilan maklumat kewangan yang berkualiti kerana kelewatan dalam penerbitannya boleh memberi bebanan kos kepada pembuat keputusan serta pengguna yang berkaitan (Brown, *et al.*, 2011). Chamber dan Penman (1984) mendapati bahawa ketepatan masa boleh meningkatkan harga sekuriti. Manakala Owusu-Ansah (2000) menyatakan bahawa ketepatan masa laporan kewangan adalah taktik penting untuk mengurangkan perdagangan orang dalam (*insider trading*), kebocoran maklumat dan khabar angin dalam

pasaran modal baru muncul (*emerging capital markets*). Tambahan pula, Owusu-Ansah dan Leventis (2006) berpendapat bahawa laporan kewangan yang dikeluarkan tepat pada masanya menyumbang kepada prestasi pasaran saham yang cepat dan cekap dalam fungsi harga dan penilaian mereka. Ku Ismail dan Chandler (2004) menyokong pendapat bahawa ketepatan masa adalah ciri yang relevan dalam penggunaan maklumat perakaunan.

Penyata kewangan beraudit yang terkandung dalam laporan tahunan berkemungkinan menjadi satu-satunya sumber maklumat yang boleh dipercayai untuk pasaran modal yang baru muncul (Leventis *et al.*, 2005). Wallace (1993) berpendapat bahawa penyata kewangan yang telah diaudit tepat pada masanya di dalam laporan tahunan yang kemudiannya diterbitkan oleh syarikat adalah sumber maklumat yang lebih dipercayai berbanding dengan sumber maklumat lain seperti berita, siaran media dan ramalan penganalisis kewangan. Menurut Errunza dan Losq (1985), syarikat di negara-negara membangun cenderung untuk melepaskan maklumat yang sedikit dan melaporkannya lebih lambat berbanding syarikat-syarikat di negara maju kerana badan-badan pengawalseliaan di negara-negara membangun tidak begitu tegas seperti di negara barat.

Malaysia merupakan salah satu daripada negara-negara membangun. Di negara membangun, kajian tentang penentu kelewatan audit masih kurang diterbitkan. Oleh itu, lebih banyak penyelidikan diperlukan untuk meningkatkan kualiti penerbitan pelaporan kewangan pada masa akan datang dan dalam masa yang sama ia akan dapat meningkatkan ekonomi kita ke tahap yang lebih tinggi kelak. Bursa Malaysia menetapkan agar syarikat awam tersenarai (PLC) untuk menyediakan laporan tahunan yang telah diaudit tepat pada masanya melalui penetapan Bab 2 (2.03-2) dan Bab 9 (9.01-3) Keperluan Penyenaaraan (Che-Ahmad dan Abidin, 2008). Selain itu, pelabur menghendaki agar maklumat kewangan dapat diterbitkan

tepat pada masanya dan boleh dipercayai dalam membuat keputusan pelaburan saham di Bursa Malaysia (Ismail, Mustapha dan Cho, 2012). Kajian ini dijalankan dengan gigih untuk mengumpulkan bukti lanjut tentang penentu kelewatan audit yang secara khusus memberi tumpuan kepada persekitaran Malaysia masa kini.

1.2 Pernyataan Masalah

Kajian terdahulu telah mengkritik bahawa kelewatan dalam pelaporan kewangan menjadi penyebab kepada kualiti laporan kewangan yang rendah (Brown *et al.*, 2011; Leventis *et al.*, 2005; Bean dan Bernardi, 2003). Selang masa laporan audit menjadi punca utama kelewatan laporan kewangan (Bean dan Bernardi, 2003).

Beberapa kajian mengenai kelewatan audit mendapati bahawa terdapat kemungkinan bahawa kompleksiti boleh menjadi faktor yang memanjangkan tempoh pengauditan. Hassan (2016) berhujah bahawa firma audit memerlukan lebih banyak masa untuk mengaudit akaun syarikat yang lebih kompleks berbanding dengan yang kurang kompleks. Dalam kajian ini, dua jenis kompleksiti perniagaan digunakan untuk mewakili kerumitan perniagaan iaitu yang pertama nisbah akaun belum terima dan inventori kepada jumlah aset yang telah dikaji sebelum ini oleh Salleh, Baatwah & Ahmad, 2017; dan Che-Ahmad dan Abidin, 2008. Manakala jenis kompleksiti kedua adalah jumlah syarikat subsidiari. Kajian terdahulu yang berkaitan dengan bilangan subsidiari telah dijalankan oleh Lee dan Jahng, 2008; Leventis *et al.*, 2005; Che-Ahmad dan Abidin, 2008; dan Jaggi dan Tsui, 1999.

Juruaudit luar dan dalaman adalah antara pelaku yang dapat mempengaruhi kualiti pelaporan kewangan (Cohen *et al.*, 2004). Terdapat beberapa kajian terdahulu yang mendapati jenis

juruaudit (*Big 4*) dapat menyelesaikan tugas audit dengan lebih cepat berbanding *non-big 4* berdasarkan dapatan kajian oleh beberapa penyelidik terdahulu antaranya oleh Lee dan Jahng, 2008; Che-Ahmad dan Abidin, 2008; Almosa dan Alabbas, 2007; Owusu-Ansah dan Leventis, 2006; Abdulla, 2006; dan Leventis *et al.*, 2005. Faktor-faktor lain berkaitan juruaudit yang dikaji oleh penyelidik terdahulu adalah seperti yuran juruaudit (Campa, 2013, Leventis *et al.*, 2005; Monirul dan Taylor, 1999), proses audit, struktur dan teknologi (contoh: dan Tsui, 1999), serta pendapat audit (Che-Ahmad dan Abidin, 2008, Almosa dan Alabbas, 2007; dan Leventis *et al.*, 2005).

Persoalannya adakah terdapat interaksi antara jenis juruaudit dengan kompleksiti perniagaan dalam mengurangkan kelewatan audit di kalangan syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Malaysia? Di samping itu, pasaran saham Malaysia dianggap sebagai pasaran modal yang baru muncul. Firma dalam pasaran modal baru muncul biasanya cenderung untuk lewat menerbitkan laporan kewangannya berbanding firma di pasaran maju (Errunza dan Losq, 1985). Leventis dan Weetman (2004) mendapati bahawa amalan mengaut keuntungan yang menyalahi undang-undang perdagangan di bursa saham dengan cara memperdagangkan maklumat sulit oleh orang dalam syarikat yang mempunyai akses kepada maklumat (*insider trading*) sering berlaku di pasaran baru berikutan lemahnya perlindungan pelabur dan sekatan dalam pasaran ini (*emerging market*). Memandangkan kurangnya kajian lalu yang mengkaji tentang hubungan antara juruaudit, kompleksiti dan kelewatan audit bagi syarikat-syarikat di Malaysia, kajian ini akan membincangkan isu sama ada kepakaran juruaudit luar membantu dalam menguruskan kompleksiti perniagaan dan kelewatan laporan audit.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini akan memberikan penekanan kepada kompleksiti perniagaan serta peranan yang dimainkan oleh juruaudit luaran dalam memastikan kelewatan pelaporan kewangan korporat di kalangan syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia dapat dikurangkan bagi tahun 2015 dan 2016. Terdapat empat persoalan penyelidikan yang direka untuk kajian ini iaitu:

1. Apakah status kelewatan audit di kalangan syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia pada tahun 2015 dan 2016?
2. Adakah jenis juruaudit berkaitan dengan kelewatan pelaporan kewangan?
3. Adakah kompleksiti perniagaan iaitu: [(i) nisbah penghutang dan inventori kepada jumlah aset; dan (ii) bilangan subsidiari] berkaitan dengan kelewatan audit?
4. Adakah jenis juruaudit memainkan peranan dalam hubungan antara kompleksiti iaitu: [(i) nisbah penghutang dan inventori kepada jumlah aset; dan (ii) bilangan subsidiari] dengan kelewatan audit?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara juruaudit, kompleksiti dan kelewatan audit. Kajian ini menggunakan laporan tahunan diaudit dari 698 buah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia bagi tahun kewangan berakhir pada 2015 dan 2016. Maka, objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

1. Untuk mengkaji status kelewatan laporan audit syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia pada tahun 2015 dan 2016.
2. Untuk menyiasat hubungan antara jenis juruaudit dengan kelewatan audit.

3. Untuk menyiasat hubungan antara kompleksiti [(i) nisbah penghutang dan inventori kepada jumlah aset; dan (ii) bilangan subsidiari] berkaitan dengan kelewatan audit.
4. Untuk menyiasat peranan juruaudit dalam hubungan antara kompleksiti [(i) nisbah penghutang dan inventori kepada jumlah aset; dan (ii) bilangan subsidiari] dengan kelewatan audit.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian berkaitan kelewatan audit yang dijalankan sebelum ini kebanyakannya memberi tumpuan besar kepada negara maju (Walker dan Johnson, 1996). Selain itu sorotan literatur berkaitan kelewatan dalam penerbitan laporan audit juga adalah sangat terhad di Malaysia. Hal ini memberi motivasi kepada penyelidik untuk memperbanyakkan kajian berkenaan kelewatan audit di Malaysia. Penyelidikan ini bertujuan untuk menyiasat hubungan antara peranan juruaudit, kompleksiti perniagaan dan kelewatan audit di Malaysia sebagai sebuah negara alternatif selain daripada negara-negara maju. Kajian ini juga dijalankan terhadap persekitaran perniagaan yang bercampur-campur di Malaysia (kecuali institusi kewangan). Jenis juruaudit akan ditentukan dengan mengenal pasti sama ada firma audit terdiri daripada *Big 4* atau *non-Big 4*. Manakala bagi kompleksiti perniagaan, kajian ini akan menggunakan dua pembolehubah iaitu nisbah inventori dan penghutang kepada jumlah aset dan jumlah subsidiari. Penyelidikan ini akan mengkaji interaksi antara jenis juruaudit dengan kompleksiti perniagaan sebagai pembolehubah baru untuk menguji sama ada jenis juruaudit dapat memendekkan atau sebaliknya memanjangkan proses pengauditan. Mudah-mudahan, pembolehubah baru ini boleh melanjutkan kesusasteraan sedia ada mengenai kelewatan audit di Malaysia.

1.6 Organisasi Bab Dalam Tesis

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan skop kajian. Bab kedua membincangkan sorotan literatur terdahulu mengenai teori dan menyenaraikan penemuan empirikal berkaitan peranan juruaudit, kompleksiti perniagaan, kelewatan audit serta ketepatan masa pelaporan kewangan. Bab tiga akan membentangkan kerangka konseptual dan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Bab empat akan memperincikan tentang hasil dan membincangkan penemuan kajian. Akhir sekali, bab lima menghuraikan kesimpulan, batasan kajian dan mencadangkan idea-idea baru untuk penyelidikan masa depan.



BAB DUA

SOROTAN LITERATUR DAN PEMBANGUNAN HIPOTESIS

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan ulasan karya yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu yang relevan dengan pembolehubah yang dikaji dalam kajian ini yang disusun mengikut turutan bermula dengan pembolehubah bersandar, pembolehubah bebas dan perkembangan hipotesis berserta dengan teori-teori berkaitan. Bahagian 2.2 membincangkan pembolehubah bersandar iaitu kelewatan audit. Bahagian 2.3 membincangkan pembolehubah bebas yang terdiri daripada jenis juruaudit, kompleksiti (dua jenis kompleksiti yang dikaji adalah (i) nisbah penghutang dan inventori kepada jumlah asset, dan (ii) bilangan subdidiari), leveraj, jenis pendapatan, saiz syarikat dan pendapat audit. Bahagian 2.4 menjelaskan mengenai teori-teori yang relevan berdasarkan kajian lalu. Akhir sekali, bahagian 2.5 akan membentangkan ringkasan bab ini.

2.2 Kelewatan Audit (*Audit Delay*)

Penyata kewangan beraudit yang terdapat dalam laporan tahunan korporat adalah satu-satunya maklumat yang boleh dipercayai serta dapat diakses dalam pasaran modal maju dan membangun (Leventis *et al.*, 2005). Maklumat yang terkandung dalam penyata kewangan beraudit ini digunakan oleh pelbagai pihak berkepentingan seperti pihak berkuasa, bank, pelabur, penganalisis kewangan, badan profesional, pengurus dan ahli akademik. Penyata

kewangan perlu memenuhi kriteria iaitu boleh dipercayai dan tepat pada masanya untuk mewujudkan keyakinan pelabur terhadap maklumat perakaunan.

Berdasarkan IFRS 2008, terdapat empat komponen penting dalam meningkatkan ciri-ciri kualitatif maklumat perakaunan iaitu perbandingan (*comparability*), boleh ditentusahkan (*verifiability*), ketepatan masa (*timeliness*) dan boleh difahami (*understandability*). Carslaw dan Kaplan (1991) merumuskan bahawa, kedua-dua bukti analisis dan empirikal menunjukkan bahawa ketepatan masa dalam melepaskan maklumat kewangan boleh mempengaruhi keputusan pengguna jika mereka hanya bergantung kepada satu sumber iaitu maklumat penyata kewangan sahaja. Schwartz dan Soo (1996) mendapati bahawa penyata kewangan beraudit yang diterbitkan tepat pada masanya dapat membekalkan maklumat berguna kepada pasaran saham. Manakala Behn, Searcy dan Woodroof, (2006) pula berhujah bahawa nilai kandungan dalam laporan kewangan yang telah diaudit hanya akan meningkat jika kekinian maklumat kewangan dapat ditingkatkan.

Semakin singkat selang masa antara akhir tahun perakaunan dan tarikh penerbitan laporan tahunan, semakin banyak manfaat yang boleh diperolehi daripada maklumat yang terkandung di dalamnya (Abdulla, 1996). Tambahan pula, pendedahan maklumat kewangan yang tepat pada masanya akan dapat mengurangkan penyebaran maklumat kewangan yang tidak simetri (Jaggi dan Tsui, 1999) serta dapat mengurangkan tahap khabar angin, kebocoran dan perdagangan oleh orang dalam pasaran saham (Owusu-Ansah, 2000). Orang dalam yang berkemungkinan memperdagangkan maklumat sulit syarikat adalah terdiri daripada sesiapa sahaja yang mempunyai maklumat syarikat yang masih belum diumumkan kepada orang

ramai, termasuk ahli lembaga pengarah, akauntan, pegawai syarikat, peguam syarikat dan lain-lain.

Maklumat kewangan yang tepat pada masanya dan boleh dipercayai adalah elemen yang paling penting bagi pelabur untuk membuat keputusan yang tepat, manakala melalui proses audit, ia akan meningkatkan kebolehpercayaan maklumat kewangan yang diperlukan oleh pengguna (Enrique *et al.*, 2008). Hujah ini disokong oleh Lee *et al.*, (2008) yang berpendapat bahawa pelepasan maklumat kewangan yang tepat pada masanya akan menyebabkan maklumat menjadi lebih relevan kepada pelabur dalam membuat keputusan mereka. Knechel dan Payne (2001) mendedahkan bahawa kebanyakan badan pengawalselia dan penyelidik perakaunan semakin memberi perhatian mereka kepada ketepatan masa audit. Menurut Owusu-Ansah dan Leventis (2006), untuk mengurangkan maklumat tidak simetri dan pada masa yang sama dapat merangsang proses membuat keputusan, pelaporan korporat mesti dilakukan tepat pada masanya. Owusu-Ansah dan Leventis (2006) menambah bahawa lebih banyak penyelidikan tentang penentu ketepatan masa pelaporan korporat atas alasan bahawa ia akan menjadi satu alat bantuan yang penting kepada pengawal selia pasaran modal baru muncul dalam menggubal dasar-dasar baru untuk meningkatkan kecekapan pasaran modal mereka.

Kelewatan audit adalah faktor yang sangat kritikal dalam pasaran modal baru muncul serta pasaran modal yang baru dibangunkan di mana penyata kewangan yang telah diaudit dalam laporan tahunan adalah satu-satunya sumber maklumat yang tersedia untuk rujukan pelabur (Leventis *et al.*, 2005). Ahmad dan Kamaruddin (2003) menambah bahawa kelewatan audit

telah mengurangkan kerelevanan dan kandungan maklumat sesuatu dokumen. Jika penangguhan berlaku dalam melepaskan penyata kewangan, ketidakpastian yang berkaitan dengan keputusan pelaburan akan meningkat (Ashton, Willingham, dan Elliott, 1987). Hujah ini juga disokong oleh Ika dan Ghazali (2012) yang mendakwa bahawa kualiti laporan kewangan yang baik bergantung kepada singkatnya perbezaan bilangan hari yang diambil untuk mengumumkan laporan tahunan syarikat kepada orang ramai.

Di negara maju, banyak kajian tentang kelewatan laporan audit telah dijalankan. Antara pengkaji perintis berkenaan dengan kelewatan audit adalah Dyer dan Mchugh (1975) yang telah menyiasat tentang kelewatan audit di kalangan 120 syarikat tersenarai di *Sydney Stock Exchange* bagi tempoh 1965 hingga 1971. Kajian ini menguji tiga jenis kelewatan audit iaitu *preliminary lag*, *auditors' signature lag* dan *total lag*. Pembolehubah bebas pula terdiri daripada saiz syarikat, penutupan hujung tahun dan keberuntungan. Dapatan kajian menunjukkan hanya dua pembolehubah bebas iaitu saiz syarikat, penutupan hujung tahun yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan kelewatan audit. Syarikat-syarikat besar memerlukan masa yang lebih singkat untuk melepaskan laporan kewangannya berbanding syarikat yang berskala kecil. Selain dari itu, syarikat yang tahun kewangannya berakhir pada 30 Jun akan lebih lewat mengeluarkan pelaporan korporat berbanding dengan syarikat lain yang tahun kewangannya berakhir selain dari tarikh 30 Jun.

Kajian yang dijalankan oleh Carslaw dan Kaplan (1991) adalah untuk menentukan hubungan antara kelewatan audit dengan saiz syarikat, industri, pendapatan, item luar biasa, pendapat audit, jenis juruaudit, tahun kewangan berakhir, pemilikan syarikat dan kadar hutang. Sampel

kajian terdiri daripada 245 dan 206 buah syarikat tersenarai di *New York Stock Exchange* bagi tahun 1987 dan 1988 masing-masing. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, terdapat hubungan yang signifikan antara saiz syarikat, pendapatan, pemilikan syarikat dan kadar hutang dengan kelewatan audit. Manakala pembolehubah penjelasan yang lain hanya memberi kesan yang signifikan kepada kelewatan audit bagi satu tahun sahaja dari dua tahun yang diuji. Ng dan Tai (1994) menyiasat tentang 292 dan 260 syarikat tersenarai di *Stock Exchange of Hong Kong Limited* bagi tahun 1990 dan 1991. Hasil kajian menunjukkan bahawa saiz syarikat dan bilangan subsidiari sangat berkaitan dengan kelewatan audit dalam kedua-dua tahun. Walau bagaimanapun, tahun kewangan berakhir didapati signifikan pada tahun 1990 dan item luar biasa terbukti penting pada tahun 1991.


Leventis *et al.*, (2005) menjalankan kajian ke atas 171 buah syarikat tersenarai di Bursa Saham Athens. Pengkaji memilih pembolehubah eksperimen yang antaranya terdiri daripada jenis juruaudit, bilangan teguran (*number of remarks*), yuran audit, item luar biasa (*extraordinary items*), saiz syarikat, penumpuan pemilikan (*ownership concentration*), keberuntungan (*profitability*), nisbah penggearan (*gearing*), bilangan subsidiari (*number of subsidiaries*), industri, ketidakpastian dalam laporan audit (*uncertainty in the audit report*) penukaran juruaudit (*auditor change*) yang diuji dengan pembolehubah bersandar iaitu kelewatan audit. Dengan menggunakan *linear regression*, kajian ini mendedahkan terdapat tiga pembolehubah eksperimen yang mempunyai hubungan positif dengan kelewatan audit iaitu bilangan teguran, item luar biasa dan ketidakpastian dalam laporan audit. Manakala terdapat dua pembolehubah eksperimen yang mempunyai hubungan negatif dengan kelewatan audit iaitu jenis juruaudit dan yuran audit. Berdasarkan dapatan kajian, Leventis *et al.*, (2005) mencadangkan agar kelewatan audit boleh dikurangkan dengan membayar yuran

audit premium atau melantik firma audit antarabangsa. Selain dari itu, kemungkinan berita buruk juga perlu diambil kira sebagai faktor penentu laporan audit lambat diterbitkan.

Behn *et al.*, (2006) menjalankan kaji selidik ke atas 217 rakan kongsi firma audit antarabangsa di Amerika Syarikat untuk menyiasat halangan-halangan yang dikenal pasti oleh juruaudit yang menghalang mereka daripada dapat mengurangkan kelewatan masa antara penutupan akaun dan mengeluarkan laporan audit. Pengkaji mengkategorikan pembolehubah bebas kepada 3 iaitu halangan manusia, halangan proses dan halangan teknologi. Seterusnya halangan tersebut diperincikan kepada faktor-faktor yang terdapat dalam firma audit dan pelanggan bagi firma audit. Dapatan kaji selidik yang dibuat melalui laman web menunjukkan kekurangan sumber tenaga bagi firma audit dan pelanggannya menyumbang kepada kelewatan penerbitan laporan audit. Kajian juga mendapati rakan kongsi firma audit mencadangkan agar firma audit dan syarikat pelanggannya perlu menyesuaikan diri dengan pendekatan audit terbaru agar kelewatan audit dapat dikurangkan pada masa hadapan.

Lee & Jahng (2008) telah menjalankan kajian ke atas 1,560 buah syarikat yang tersenarai di *Korean Stock Exchange* (KSE) dan *Korean Securities Dealers Automated Quotations* (KOSDAQ) dari 1999 hingga 2005 yang melibatkan 8,950 data pemerhatian untuk mengenalpasti sama ada kelewatan audit ditentukan oleh beberapa faktor yang berkaitan dengan juruaudit. Antara faktor yang diuji adalah yuran audit, yuran perkhidmatan bukan audit, tempoh juruaudit berkhidmat kepada syarikat, jenis juruaudit, pendapat juruaudit, saiz firma, pulangan ke atas aset, leveraj, jenis pendapatan, akhir tahun kewangan, bilangan

subsidiari, jenis pasaran sekuriti, nisbah inventori dan penghutang ke atas jumlah aset serta item luar biasa. Dapatan kajian menunjukkan yuran perkhidmatan bukan audit, jenis juruaudit, pendapat juruaudit, saiz firma, pulangan ke atas aset, dan jenis pasaran sekuriti dimana syarikat tersenarai dapat mempengaruhi penyata kewangan yang dikeluarkan tepat pada masanya. Tetapi leveraj yang tinggi, kerugian yang ditanggung syarikat, bilangan subsidiari yang banyak, nisbah inventori dan penghutang ke atas jumlah aset serta item luar biasa akan menyebabkan kelewatan audit berlaku. Kajian Habib dan Bhuiyan (2011) terhadap 105 syarikat tersenarai di *New Zealand Stock Exchange* (502 data pemerhatian) mendapati pelaksanaan IFRS, saiz syarikat dan bilangan subsidiari menjadi faktor penyumbang kelewatan pelaporan kewangan. Sebaliknya pengkhususan industri juruaudit, keuntungan dan tempoh menjadi juruaudit syarikat membantu dalam mempercepatkan proses pengauditan.



Clatworthy dan Peel (2016) menyoal tentang perubahan peraturan dan faktor ekonomi asas terhadap ketepatan masa maklumat perakaunan. Kajian ini menguji 8 jenis spesifikasi model. Dengan menggunakan sampel 31,147 buah syarikat kecil dan bebas di United Kingdom, pengkaji mendapati bahawa kelewatan audit mempunyai hubungan positif dengan saiz syarikat, keuntungan sebelum cukai, leveraj dan industri. Dapatan kajian juga mendapati perubahan peraturan, status audit, liabiliti cukai tertunda, nisbah keuntungan sebelum cukai kepada jualan, nisbah kecairan, umur syarikat, bilangan pengarah dan bilangan pemegang saham mempunyai hubungan songsang dengan kelewatan audit. Walaupun perubahan peraturan mempengaruhi pelbagai jenis syarikat, namun syarikat-syarikat lebih cenderung mempercepatkan penerbitan penyata kewangan untuk rujukan pelabur luar berbanding pihak berkuasa. Secara kesimpulannya, pengkaji mendapati bahawa kedua-dua

faktor pengawalseliaan dan faktor asas ekonomi sangat penting dalam laporan kewangan syarikat swasta dan kedua-duanya saling bergantung antara satu sama lain.

Di negara membangun pula antara kajian awal berkaitan kelewatan audit telah dijalankan oleh (Abdulla, 1996). Pengkaji menyiasat hubungan antara masa yang ketinggalan dalam pendedahan maklumat kewangan serta lima sifat korporat bagi 26 syarikat di Bahrain. Kajian menunjukkan hubungan negatif yang signifikan antara ketepatan masa penerbitan dengan pembolehubah eksperimen iaitu keuntungan syarikat, saiz, dan dividen yang diedarkan. Walau bagaimanapun, hubungan antara ketepatan masa dan jenis industri didapati tidak signifikan. Ahmad dan Kamarudin (2003) menjalankan penyelidikan untuk mengenalpasti faktor penentu kelewatan audit di Malaysia. Sampel data terdiri daripada 100 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia melalui 542 data pemerhatian. Hasil kajian mendapati kelewatan audit menjadi lebih panjang apabila syarikat terdiri dari bukan industri kewangan, menerima pendapat bersyarat, tahun kewangan berakhir pada 31 Disember, memilih juruaudit selain dari *Big-4*, menanggung kerugian dan mempunyai kadar hutang yang tinggi.

Al-Ajmi (2008) menyiasat ketepatan masa laporan tahunan ke atas 231 syarikat kewangan dan bukan kewangan yang tersenarai di *Bahrain Stock Exchange*. Penyelidik menguji hubungan antara ciri-ciri khusus juruaudit dan syarikat tersenarai termasuk tadbir urus korporat, ketepatan masa laporan tahunan dan kelewatan audit. Kajian mendapati bahawa penentu kelewatan audit adalah saiz syarikat, keberuntungan, dan leveraj. Manakala kajian Che-Ahmad dan Abidin (2008) telah menggunakan *multivariate analysis* ke atas 343 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 1993. Dapatan kajian

menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kelewatan audit dengan pegangan saham pengarah, saiz syarikat, bilangan subsidiari, jenis firma audit, pendapat audit dan pulangan ke atas ekuiti.

Mukhtaruddin, Oktarina, Relasari & Abukosim (2015) menjalankan kajian ke atas 65 syarikat pembuatan yang tersenarai di *Indonesia Stock Exchange* dengan menggunakan 325 data pemerhatian dari tahun 2001 hingga 2006. Pengkaji menjalankan kajian berkaitan pengaruh faktor syarikat (terdiri daripada saiz syarikat dan bilangan cawangan) serta faktor juruaudit (terdiri daripada kualiti audit dan pendapat audit) ke atas kelewatan audit. Dapatan kajian menunjukkan saiz syarikat dan pendapat audit mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan kelewatan audit. Kualiti audit pula berhubungan secara songsang dengan kelewatan audit. Manakala bagi kompleksiti operasi iaitu bilangan cawangan, tidak dapat dibuktikan jika ianya mempunyai sebarang hubungan dengan kelewatan audit.

Ahmed & Che-Ahmad (2016) mengkaji tentang kesan ciri-ciri tadbir urus korporat ke atas kelewatan audit. Kajian dijalankan ke atas 14 buah bank yang tersenarai di Nigeria bagi tempoh lima tahun bermula dari 2008 hingga 2012. *Big 4* telah dipilih sebagai salah satu pembolehubah eksperimen yang menjadi proksi kepada jaminan kualiti audit. Pembolehubah bebas lain yang berkaitan dengan tadbir urus korporat terdiri daripada saiz lembaga pengarah, saiz jawatankuasa audit, saiz jawatankuasa pengurusan risiko, kekerapan mesyuarat lembaga, jawatankuasa lembaga pengarah, jawatankuasa lembaga pengarah mahir dan jantina jawatankuasa lembaga pengarah. Saiz syarikat dan jenis pendapatan pula mewakili pembolehubah terkawal. Keputusan analisis regrasi mendapati kekerapan mesyuarat lembaga,

saiz lembaga pengarah, saiz syarikat, jantina jawatankuasa lembaga pengarah dan saiz jawatankuasa audit mempunyai hubungan positif dengan kelewatan audit. Manakala jenis juruaudit mempunyai hubungan negatif dengan kelewatan audit. Ini menunjukkan bahawa sekiranya institusi perbankan diaudit oleh *Big 4*, penerbitan penyata kewangan akan dapat dipercepatkan. Pengkaji mencadangkan agar institusi perbankan kekal memilih *Big 4* sebagai juruaudit syarikat supaya pelaporan kewangan akan dikeluarkan tepat pada masanya untuk meningkatkan keyakinan pemegang saham serta pihak berkepentingan yang lain.

Kajian tentang hubungan antara kelewatan audit dengan juruaudit juga dijalankan oleh Rusmin dan Evans (2017) terhadap 407 buah syarikat pembuatan yang tersenarai di *Indonesia Stock Exchange* bagi tahun 2010 dan 2011. Dengan memilih kelewatan audit sebagai pembolehubah bersandar, pembolehubah ini dihubungkan dengan kualiti juruaudit selaku pembolehubah bebas yang terdiri dari dua dimensi iaitu juruaudit berdasarkan pengkhususan industri dan jenis juruaudit. Manakala pembolehubah terkawal yang dikaji adalah saiz syarikat, leveraj, bilangan subsidiari, item luar biasa, pemilikan keluarga, jenis pendapatan dan jenis industri. Keputusan kajian menunjukkan sekiranya syarikat memilih juruaudit berdasarkan pengkhususan industri akan dapat mengurangkan kelewatan audit. *Big 4* juga dapat mempercepatkan proses pengauditan berbanding syarikat *non-Big 4*. Kelewatan audit mempunyai hubungan yang signifikan dengan kompleksiti, jenis pendapatan, jenis industry yang terdedah kepada risiko perniagaan serta pengelasan industri. Selain dari itu, proses audit menjadi lebih panjang sekiranya syarikat mempunyai banyak subsidiari dan mempunyai prestasi kewangan yang lemah. Ringkasan kajian lalu yang berkaitan dengan kelewatan audit ditunjukkan dalam Jadual 2.1 di bawah.

Jadual 2.1: Ringkasan Kajian Terdahulu Tentang Kelewatan Audit

Kajian yang dijalankan di negara maju				
Pengkaji	Sampel Kajian	Pembolehubah Bersandar	Pembolehubah Bebas	Keputusan
Clatworthy & Peel (2016)	31,147 syarikat kecil dan bebas di United Kingdom	<ul style="list-style-type: none"> Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> Perubahan peraturan Status audit Liabiliti cukai tertunda Saiz syarikat Nisbah keuntungan sebelum cukai kepada jualan Keuntungan sebelum cukai Margin keuntungan Leveraj Nisbah kecairan Umur syarikat Bilangan pengarah Bilangan pemegang saham Industri 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> Saiz syarikat Keuntungan sebelum cukai Leveraj Industri <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> Perubahan peraturan Status audit Liabiliti cukai tertunda Nisbah keuntungan sebelum cukai kepada jualan Nisbah kecairan Umur syarikat Bilangan pengarah Bilangan pemegang saham

Asthana (2014)	5,298 buah syarikat di Amerika Syarikat (22,492 data pemerhatian)	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit yang abnormal 	<ul style="list-style-type: none"> • Nisbah akruan kepada aset • Tarikh EPS dilaporkan • Ketidakstabilan pendapatan • Item luar biasa / operasi dihentikan • Masa pengumuman pendapatan • Kelewatan EPS 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nisbah akruan kepada aset • Tarikh EPS dilaporkan • Item luar biasa / operasi dihentikan <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Masa pengumuman pendapatan • Kelewatan EPS
Habib & Bhuiyan (2011)	105 syarikat tersenarai di <i>New Zealand Stock Exchange</i> (502 data pemerhatian)	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengkhususan industri juruaudit • Tahun kewangan berakhir • Industri • Saiz syarikat • Keuntungan • Kedudukan kewangan • Bilangan subsidiari • Yuran bukan perkhidmatan audit • Tempoh menjadi juruaudit syarikat • Penumpuan pemilikan • Perlaksanaan IFRS 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlaksanaan IFRS • Saiz syarikat • Bilangan subsidiari <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengkhususan industri juruaudit • Keuntungan • Tempoh menjadi juruaudit syarikat

<p>Enrique & Borrero-Dominguez (2008)</p>	<p>105 buah syarikat tersenarai di <i>Spanish Securities Markets</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Tekanan peraturan • Jenis juruaudit • Kelayakan • Saiz syarikat • Perubahan dalam peraturan • Kondisi Kewangan • Jenis Pendapatan • Leveraj • Segmen Perniagaan • Pendapat juruaudit • Tahun Fiskal 	<p>Kelewatan audit yang berkaitan dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kondisi Kewangan • Jenis Pendapatan • Leveraj • Segmen Perniagaan • Pendapat juruaudit • Tahun Fiskal <p>Tiada hubungan yang signifikan dengan kelewatan audit:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tekanan peraturan • Jenis juruaudit • Kelayakan • Saiz syarikat • Perubahan dalam peraturan
---	--	---	---	--

<p>Lee & Jahng (2008)</p>	<p>1,560 buah syarikat yang tersenarai di <i>Korean Stock Exchange (KSE)</i> dan <i>Korean Securities Dealers Automated Quotations (KOSDAQ)</i> (8,950 data pemerhatian)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Yuran audit • Yuran perkhidmatan bukan audit • Tempoh juruaudit berkhidmat kepada syarikat • Jenis juruaudit • Pendapatan juruaudit • Saiz firma • Pulangan ke atas aset • Leveraj • Jenis pendapatan • Akhir tahun kewangan • Bilangan subsidiari • Jenis pasaran sekuriti • Nisbah inventori dan penghutang ke atas jumlah aset • Item luar biasa 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Leveraj • Jenis pendapatan • Bilangan subsidiari • Nisbah inventori dan penghutang ke atas jumlah aset • Item luar biasa. <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Yuran perkhidmatan bukan audit • Jenis juruaudit • Pendapatan juruaudit • Saiz firma • Pulangan ke atas aset • Jenis pasaran sekuriti
<p>Behn, Searcy & Woodroof (2006)</p>	<p>Responden terdiri daripada 217 rakan kongsi firma audit antarabangsa di</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Halangan manusia • Halangan proses • Halangan teknologi 	<ul style="list-style-type: none"> • Sumber tenaga yang tidak mencukupi di kedua-dua belah pihak iaitu firma audit dan syarikat pelanggan menyebabkan

	Amerika Syarikat			<p>kelewatan audit</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rakan kongsi firma mencadangkan agar firma audit dan syarikat pelanggan perlu menyesuaikan diri dengan pendekatan audit terbaru agar kelewatan audit dapat dikurangkan pada masa hadapan.
Leventis, Weetman & Caramanis (2005)	171 syarikat tersenarai di <i>Athens Stock Exchange</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Jenis juruaudit • Bilangan teguran • Yuran audit mengikut jam • Item luar biasa • Saiz syarikat • Penumpuan pemilikan • Keuntungan • Nisbah <i>gearing</i> • Bilangan subsidiari • Jenis industri • Ketidakpastian dalam laporan audit • Pertukaran juruaudit 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bilangan teguran • Item luar biasa • Ketidakpastian dalam laporan audit <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jenis juruaudit • Yuran audit mengikut jam

Soltani (2002)	5801 laporan tahunan bagi <i>Paris Stock Exchange</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Kelakuan pelaporan • Jenis laporan audit • Saiz syarikat • Pendapat audit 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Saiz syarikat • Pendapat audit <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jenis laporan audit
Knechel & Payne (2001)	226 tugas audit daripada firma perakaunan awam antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Usaha audit tambahan (jam) • Peruntukan sumber daripada usaha pasukan audit diukur oleh pangkat (rakan kongsi, pengurus, staf) • Peruntukan perkhidmatan bukan audit 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Usaha audit tambahan (jam) • Pengalaman juruaudit <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan laporan audit dapat dikurangkan melalui hubungan sinergi antara khidmat nasihat pengurusan dan perkhidmatan audit
Schwartz, K. B., & Soo, B. S. (1996)	1800 buah syarikat yang tersenarai di Amerika Syarikat (8-K) yang melibatkan 502 pertukaran juruaudit	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Perubahan juruaudit pada masa awal • Perubahan juruaudit pada masa akan datang • Struktur Audit • Bertukar dari berstruktur kepada tidak berstruktur 	<p>Kelewatan audit adalah berhubungan dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perubahan juruaudit pada masa awal • Struktur Audit • Saiz syarikat • Item luar biasa

			<ul style="list-style-type: none"> • Laporan audit pertengahan • Saiz syarikat • Item luar biasa • Jenis pendapatan • Kemungkinan kebangkrapan • <i>Going concern</i> • Ketidakpastian • Pendapat audit • Industri kewangan • Akhir tahun fiscal • Jenis juruaudit 	<ul style="list-style-type: none"> • Jenis pendapatan • <i>Going concern</i> • Pendapat audit • Industri kewangan • Jenis juruaudit
Ng & Tai (1994)	292 dan 260 syarikat tersenarai di <i>Stock Exchange of Hong Kong Limited</i> bagi tahun 1990 dan 1991	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Saiz syarikat • Industri • Pendapatan • Item luar biasa • Pendapat audit • Jenis juruaudit • Tahun kewangan berakhir • Pemilikan syarikat 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bilangan subsidiari <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Saiz syarikat

			<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan subsidiari 	
Bamber, Bamber, & Schoderbek (1993)	927 syarikat daripada 7 industri yang tersenarai di Amerika Syarikat	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Risiko perniagaan juruaudit • Kompleksiti audit • Struktur audit • Industri • Pendapatan • Item luar biasa • Saiz syarikat • Pendapat audit 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Risiko perniagaan juruaudit • Kompleksiti audit • Saiz syarikat • Pendapat audit • Pendapatan <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Saiz syarikat
Carslaw & Kaplan (1991)	245 dan 206 buah syarikat tersenarai di <i>New York Stock Exchange</i> bagi tahun 1987	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Saiz syarikat • Industri • Pendapatan • Item luar biasa • Pendapat audit • Jenis juruaudit • Tahun kewangan berakhir • Pemilikan syarikat • Kadar hutang 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pendapatan • Pemilikan syarikat • Kadar hutang <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Saiz syarikat

Ashton, Graul & Newton (1989)	465 syarikat tersenarai di Toronto	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Saiz syarikat • Industri • Tahun kewangan berakhir • Jenis pendapatan • Pendapat audit • Item luar biasa • Kontingensi • Jenis juruaudit 	Terdapat hubungan yang signifikan antara kelewatan audit dengan saiz syarikat, industri, jenis pendapatan, tahun kewangan berakhir dan item luar biasa.
Ashton, Willingham & Elliott (1987)	488 buah syarikat tersenarai di Amerika Syarikat	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah hasil • Kompleksiti operasi • Status syarikat (awam atau bukan syarikat awam) • Kualiti keseluruhan kawalan dalaman • Campuran kerja audit yang relatif • Klasifikasi industri • Tahun kewangan berakhir • Kompleksiti kewangan • Kompleksiti pemprosesan data elektronik 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jumlah hasil • Kompleksiti operasi <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Status syarikat (awam atau bukan syarikat awam) • Kualiti keseluruhan kawalan dalaman • Campuran kerja audit yang relatif

			<ul style="list-style-type: none"> • Jangka hayat syarikat • Jenis pendapatan • Pendapat audit 	
Dyer & Mchugh. (1975)	120 syarikat tersenarai di <i>Sydney Stock Exchange</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan awal • Kelewatan tandatangan juruaudit • Kelewatan keseluruhan 	<ul style="list-style-type: none"> • Saiz syarikat • Tahun berakhir • Keberuntungan 	Hubungan positif: <ul style="list-style-type: none"> • Tahun berakhir Hubungan negatif: <ul style="list-style-type: none"> • Saiz syarikat
Kajian yang dijalankan di negara membangun				
Pengkaji	Sampel Kajian	Pembolehubah Bersandar	Pembolehubah Bebas	Keputusan
Rusmin & Evans (2017)	407 syarikat pembuatan tersenarai di <i>Indonesia Stock Exchange</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengkhususan industri • Jenis juruaudit • Saiz syarikat • Leveraj • Bilangan subsidiari • Item luar biasa • Pemilikan keluarga 	Hubungan positif: <ul style="list-style-type: none"> • Bilangan subsidiari • Jenis pendapatan • Jenis industri Hubungan negatif: <ul style="list-style-type: none"> • Pengkhususan industri • Jenis juruaudit

			<ul style="list-style-type: none"> • Jenis pendapatan • Jenis industri 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilikan keluarga
Salleh, Baatwah & Ahmad (2017)	100 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia (700 data pemerhatian)	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit • Industri diselaraskan dengan kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Jawatankuasa audit pakar kewangan • Jawatankuasa Audit Bebas • Risiko audit • Kompleksiti audit • Insentif pelaporan yang tepat pada masanya • Ciri-ciri juruaudit. 	Dapatan kajian telah difokuskan kepada hubungan antara jawatankuasa audit pakar kewangan dengan kelewatan audit sahaja dan didapati tiada hubungan yang signifikan antara kelewatan audit dengan jawatankuasa audit pakar kewangan dan jawatankuasa audit bebas.
Ahmed & Che-Ahmad (2016)	14 buah bank yang tersenarai di Nigeria	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Jenis juruaudit • Saiz lembaga pengarah • Saiz jawatankuasa audit • Saiz jawatankuasa pengurusan risiko • Kekurangan mesyuarat lembaga • Jawatankuasa lembaga pengarah • Jawatankuasa lembaga pengarah mahir 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan mesyuarat lembaga • Saiz lembaga pengarah • Saiz syarikat • Jantina jawatankuasa lembaga pengarah • Saiz jawatankuasa audit <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jenis juruaudit

			<ul style="list-style-type: none"> • Jantina jawatankuasa lembaga pengarah • Saiz syarikat • Jenis pendapatan 	
Hassan (2016)	46 syarikat tersenarai di <i>Palestine Stock Exchange</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Saiz lembaga pengarah • Saiz Korporat • Jenis Juruaudit • Kompleksiti Audit • Kewujudan jawatankuasa audit • Penyebaran kepemilikan • Penumpuan pemilikan • <i>CEO duality</i> 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Saiz lembaga pengarah <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Saiz Korporat • Jenis Juruaudit • Kompleksiti Audit • Kewujudan jawatankuasa audit • Penyebaran kepemilikan
Ahmad, Mohamed & Nelson (2016)	342 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Juruaudit pakar dalam industri • Saiz syarikat • Keberuntungan • Industri • Kompleksiti Audit • Leveraj 	<p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Juruaudit pakar dalam industri • Saiz syarikat • Keberuntungan • Industri • Kompleksiti Audit

Ayemere and Elijah (2015)	syarikat tersenarai di <i>Nigerian Stock Exchange</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Yuran audit • Jenis Juruaudit • Leveraj • Pulangan ke atas ekuiti • Saiz syarikat • Bilangan subsidiari • Tahun kewangan berakhir 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jenis Juruaudit <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bilangan subsidiari
Mukhtaruddin, Oktarina, Relasari & Abukosim (2015)	65 syarikat pembuatan yang tersenarai di <i>Indonesia Stock Exchange</i> (325 data pemerhatian)	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Saiz syarikat • Bilangan cawangan • Kualiti audit • Pendapat audit 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Saiz syarikat • Pendapat audit <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kualiti audit
Aziz, Isa & Abu (2014)	92 buah Badan Berkanun Persekutuan di Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Saiz Firma • Leveraj • Keberuntungan • Komen juruaudit 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Komen juruaudit <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Saiz Firma • Keberuntungan

Azubike & Aggreh (2014)	40 syarikat tersenarai di <i>Nigerian Stock Exchange</i>	<ul style="list-style-type: none"> Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> Jenis juruaudit Kebebasan lembaga pengarah Saiz lembaga pengarah 	Hubungan positif: <ul style="list-style-type: none"> Kebebasan lembaga pengarah Saiz lembaga pengarah
Austine, Chijioke & Henry (2013)	50 syarikat tersenarai di <i>Nigerian Stock Exchange</i>	<ul style="list-style-type: none"> Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> Penggiliran firma audit Saiz syarikat Yuran audit Tahun kewangan berakhir Jenis juruaudit 	Hubungan positif: <ul style="list-style-type: none"> Yuran audit Tahun kewangan berakhir Jenis juruaudit Hubungan negatif: <ul style="list-style-type: none"> Saiz syarikat Penggiliran firma audit
Ika & Ghazali (2012)	211 syarikat tersenarai di <i>Indonesian Stock Exchange</i>	<ul style="list-style-type: none"> Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> Keberkesanan jawatankuasa audit Keadaan kewangan Saiz syarikat Jenis juruaudit Industri pembinaan Industri perkhidmatan 	Hubungan positif: <ul style="list-style-type: none"> Keadaan kewangan Industri pembinaan Hubungan negatif: <ul style="list-style-type: none"> Keberkesanan jawatankuasa audit

Ismail, Mustapha & Cho (2012)	636 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> Kebebasan jawatankuasa audit Pendapat audit Jenis juruaudit 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pendapat audit
Abidin & Ahmad-Zaluki (2012)	873 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> Juruaudit pakar dalam industri Jenis juruaudit Saiz syarikat Keberuntungan Industri kewangan Pendapat audit Pendapatan luar biasa Leveraj 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pendapat audit Pendapatan luar biasa Leveraj <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> Jenis juruaudit Saiz syarikat Keberuntungan Industri kewangan
Shukeri & Islam (2012)	491 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> Kebebasan lembaga pengarah Saiz jawatankuasa audit Bilangan mesyuarat jawatankuasa audit Jenis juruaudit Pendapat audit Saiz syarikat Prestasi syarikat 	<p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> Saiz jawatankuasa audit Bilangan mesyuarat jawatankuasa audit Jenis juruaudit Pendapat audit Saiz syarikat Prestasi syarikat

Hashim & Rahman (2011)	288 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> Kebebasan jawatankuasa audit Ketekunan jawatankuasa audit Kepakaran jawatankuasa audit Saiz syarikat Jenis juruaudit Keberuntungan 	<p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> Kebebasan jawatankuasa audit Kepakaran jawatankuasa audit Saiz syarikat
Shukeri & Nelson (2011)	300 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> Kebebasan lembaga pengarah Saiz jawatankuasa audit Bilangan mesyuarat jawatankuasa audit Kelayakan jawatankuasa audit Jenis juruaudit Pendapat audit Prestasi syarikat 	<p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> Jenis juruaudit Pendapat audit
Afify (2009)	85 syarikat tersenarai di <i>Cairo and Alexandria Stock Exchange</i>	<ul style="list-style-type: none"> Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> Penumpuan pemilikan Kebebasan lembaga pengarah <i>CEO duality</i> Kewujudan jawatankuasa audit Saiz syarikat 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> Saiz syarikat <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> Kebebasan lembaga pengarah <i>CEO duality</i>

			<ul style="list-style-type: none"> • Jenis juruaudit • Industri • Keberuntungan 	<ul style="list-style-type: none"> • Kewujudan jawatankuasa audit • Industri • Keberuntungan
Al-Ajmi (2008)	231 syarikat tersenarai di <i>Bahrain Stock Exchange</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Saiz syarikat • Keberuntungan • Leveraj • Jenis juruaudit • Kompleksiti perakaunan • Tadbir urus korporat 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Leveraj <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Saiz syarikat • Keberuntungan
Che-Ahmad & Abidin (2008)	343 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Industri • Saiz syarikat • Bilangan subsidiari • Nisbah inventori dan penghutang ke atas jumlah aset • Leveraj • Pulangan ke atas ekuiti • Pegangan saham pengarah • Jenis juruaudit • Tahun berakhir 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bilangan subsidiari • Pendapatan audit • Pegangan saham pengarah <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Saiz syarikat • Pulangan ke atas ekuiti • Jenis juruaudit

			<ul style="list-style-type: none"> • Pendapat audit • Penukaran juruaudit 	
Ahmad & Kamarudin (2003)	100 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia (542 data pemerhatian)	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Saiz syarikat • Industri • Jenis pendapatan • Item luar biasa • Pendapat audit • Jenis juruaudit • Tahun berakhir • Kadar hutang 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jenis pendapatan • Jenis audit • Kadar hutang <p>Hubungan negatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Industri • Jenis juruaudit • Tahun berakhir
Abdulla (1996)	26 syarikat tersenarai di Bahrain	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan audit 	<ul style="list-style-type: none"> • Keuntungan • Saiz syarikat • Dividen yang diagihkan • Industri • Nisbah hutang kepada ekuiti 	<p>Hubungan positif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keuntungan • Saiz syarikat • Dividen yang diagihkan

2.3 Pembolehubah Hipotesis

2.3.1 Jenis Juruaudit (*Auditor Type*)

Menurut Watts dan Zimmerman (1986), teori agensi menunjukkan bahawa perkhidmatan audit memainkan peranan penting sebagai alat pemantauan kerana terdapat kemungkinan wujudnya konflik kepentingan antara pemilik dan pengurus syarikat, atau sesiapa sahaja yang memiliki kepentingan dalam sesebuah organisasi. Seterusnya, Weets (1999) mendapati bahawa melalui pelantikan juruaudit, risiko masalah agensi dapat dikurangkan. Jenis juruaudit boleh dikategorikan kepada dua kumpulan iaitu *Big 4* dan *non-Big 4*. *Big 4* merujuk kepada empat buah firma audit profesional yang menyediakan khidmat perakaunan, pengauditan, perundingan cukai serta perkhidmatan profesional yang lain. *Big 4* terdiri daripada KPMG, Ernst & Young, PriceWaterhouseCoopers dan Deloitte yang mengendalikan majoriti audit. Manakala non-Big Four merujuk kepada firma audit selain daripada *Big 4*. Leventis *et al.*, (2005) mendapati dengan mengupah *Big 4* untuk menjalankan kerja-kerja audit, kelewatan audit dapat dikurangkan kerana penggunaan kakitangan yang berkecualan dan terlatih serta mempunyai teknologi audit yang unggul. Afify (2009) mendapati bagi mengekalkan reputasi dan memastikan pelanggan akan melantik semula firma audit yang lebih besar sebagai juruaudit syarikat pelanggan pada tahun-tahun akan datang, terdapat kecenderungan bahawa firma audit yang lebih besar berusaha bersungguh-sungguh atau melakukan proses pengauditan secara intensif agar dapat menyelesaikannya proses audit dengan lebih cepat.

Kualiti audit adalah jauh lebih baik bagi syarikat yang diaudit oleh firma audit multinasional yang besar tambahan pula masa yang diambil untuk menawarkan jaminan (*assurance*) serta memberikan perkhidmatan menjadi lebih singkat disebabkan oleh beberapa faktor (Leventis *et al.*, 2005). Behn *et al.* (2006) mendapati bahawa juruaudit yang berkemahiran boleh mempengaruhi ketepatan masa audit, tambahan pula dengan adanya juruaudit yang dapat berfikir secara fleksibel serta dapat menyesuaikan diri dengan pendekatan audit terbaru. Selain itu, Owusu-Ansah dan Leventis (2006) mendapati bahawa syarikat-syarikat yang diaudit oleh *Big 5* memerlukan masa pelaporan korporat yang lebih pendek.

El-Bannany (2008) mendapati bahawa jenis juruaudit, kompleksiti audit (bilangan cawangan), kompleksiti audit (tahap kepelbagaian), saiz bank, dan keberuntungan mempunyai kesan yang signifikan terhadap kelewatan audit. Habib dan Bhuiyan (2011) memperoleh bukti bahawa *Big 4* dijangka dapat menyelesaikan tugas audit lebih awal berbanding *non-Big 4* kerana mereka mempunyai pengetahuan industri tertentu yang signifikan dan mereka dapat mengejar sebarang perubahan perakaunan atau peraturan baru dengan mudah sejajar dengan status mereka sebagai juruaudit pakar. Rusmin dan Evans (2017) meneliti kelewatan laporan audit bagi syarikat-syarikat tersenarai di Indonesia untuk tahun kewangan 2010 dan 2011. Pengkaji mendapati bahawa *Big 4* dapat melakukan kerja audit dengan lebih cepat berbanding *non-Big 4* dan juga mendapati juruaudit industri pakar mempunyai hubungan yang negatif dan signifikan dengan kelewatan audit.

Oleh itu, hipotesis pertama yang akan diuji adalah:

H1: Terdapat hubungan negatif di antara jenis juruaudit dan kelewatan audit.

2.3.2 Kompleksiti (*Complexity*)

Firma audit memerlukan lebih banyak masa untuk mengaudit akaun syarikat yang lebih kompleks berbanding dengan yang kurang kompleks (Hassan, 2016). Kajian empirik Lee & Jahng (2008) memilih bilangan subsidiari, nisbah inventori dan penghutang kepada jumlah aset, pulangan ke atas aset, leveraj dan jenis pendapatan sebagai proksi untuk kompleksiti atau risiko penglibatan. Para penyelidik terdahulu menggunakan dua pengukur sebagai proksi untuk menentukan tahap kompleksiti korporat iaitu kompleksiti operasi dan kompleksiti komposisi kunci kira-kira (Naser dan Nuseibeh, 2008).

Nisbah inventori dan akaun belum terima kepada jumlah aset telah dipergunakan oleh kesusasteraan lalu bagi mencerminkan komposisi kunci kira-kira. Sebelum ini, Givoly dan Palmon (1982) telah digunakan nisbah inventori sebagai salah satu pengukur kompleksiti dan mendapati bahawa pembolehubah ini adalah penjelasan signifikan kepada kelewatan audit. Ashton *et al.* (1989) serta Carslaw dan Kaplan (1991) menjangkakan kelewatan audit yang lebih pendek bagi syarikat yang mempunyai sedikit atau tiada inventori terutamanya bagi syarikat-syarikat perkhidmatan kewangan. Ini adalah kerana inventori sukar untuk diaudit dan kesilapan yang ketara kerap berlaku dalam mengakaunkan inventori yang sebenar. Oleh itu, peratusan aset inventori yang lebih rendah berbanding dengan jenis aset yang lain boleh mengurangkan kelewatan audit bagi syarikat-syarikat perkhidmatan kewangan. Che-Ahmad dan Abidin (2008) menggunakan nisbah inventori dan akaun belum terima kepada jumlah aset (INVREC) sebagai pembolehubah baru dengan hujah bahawa lebih banyak masa diperlukan untuk mengesahkan item kira-kira tetapi dapatan kajian ini menunjukkan tiada

korelasi yang ketara antara (INVREC) dan ARL. Lee dan Jahng (2008) juga mengkaji INVREC sebagai proksi kompleksiti dan mendapati bahawa pembolehubah ini berhubungan secara positif dan signifikan dengan kelewatan audit. Kemudiannya, Salleh, *et al.* (2017) telah digunakan (INVREC) sebagai pembolehubah terkawal dan menemukan hubungan positif dengan ARL. Oleh yang demikian, kajian ini akan menggunakan (INVREC) sebagai salah satu pembolehubah hipotesis.

H2a: Terdapat hubungan positif di antara kompleksiti iaitu nisbah inventori dan akaun belum terima kepada kelewatan pelaporan audit.

Bilangan subsidiari telah digunakan oleh beberapa penyelidik terdahulu untuk mengukur kompleksiti operasi syarikat seperti (Rusmin dan Evans, 2017; Ayemere dan Elijah, 2015; Habib dan Bhuiyan, 2011; Lee dan Jahng, 2008; Che-Ahmad dan Abidin, 2008; Leventis *et al.*, 2005; dan Ng & Tai, 1994). Che-Ahmad dan Abidin (2008) berhujah bahawa disebabkan oleh kepelbagaian operasi perniagaan pelanggan, juruaudit bagi sesebuah syarikat pelanggan yang mempunyai bilangan subsidiari yang banyak dijangka akan menggunakan masa tambahan untuk menyelesaikan tugas audit mereka. Sebelum ini, Che-Ahmad dan Abidin (2000) dan Jaggi dan Tsui (1999) mendapati bahawa kelewatan pelaporan audit yang keterlaluan mempunyai kaitan signifikan dan positif dengan bilangan subsidiari yang tinggi. Baru-baru ini, Salleh, *et al.* (2017) mendapati terdapat hubungan positif antara bilangan subsidiari dan ketinggalan audit. Berdasarkan dapatan dari kajian terdahulu, kajian ini menjangkakan hubungan positif antara bilangan subsidiari dan kelewatan pelaporan audit.

H3a: Terdapat hubungan positif di antara kompleksiti iaitu bilangan subsidiari kepada kelewatan pelaporan audit.

Di samping itu, kajian ini akan menyiasat sama ada jenis juruaudit (sebagai pembolehubah perantara) memainkan peranan dalam memastikan kelewatan pelaporan korporat dapat dikurangkan dalam persekitaran perniagaan yang kompleks (dalam konteks dua faktor kompleksiti yang dikaji dalam kajian ini iaitu nisbah inventori dan penghutang kepada jumlah aset serta bilangan subsidiari).

Oleh itu, kajian ini menguji dua lagi hipotesis baru iaitu;

H2b: Terdapat hubungan negatif di antara interaksi juruaudit dalam hubungan antara kompleksiti iaitu nisbah inventori dan akaun belum terima kepada kelewatan pelaporan audit.

Dan,

H3b: Terdapat hubungan negatif di antara interaksi juruaudit dalam hubungan antara kompleksiti iaitu bilangan subsidiari kepada kelewatan pelaporan audit.

2.4 Pembolehubah Terkawal

2.4.1 Leveraj (*Leverage*)

Leveraj yang tinggi menunjukkan bahawa syarikat terlalu bergantung kepada hutang untuk membiayai modal yang dilaburkan. Owusu-Ansah (2000) mendakwa terdapat hubungan signifikan antara nisbah *gearing* yang tinggi dan masa yang diperuntukkan untuk pelaporan kewangan syarikat. Berdasarkan teori agensi, dijangkakan akan terjadi peningkatan dalam kos agensi sekiranya berlaku peningkatan dalam nisbah leveraj (Jensen dan Meckling, 1976).

Syarikat-syarikat yang mempunyai leveraj tinggi akan memilih untuk melaburkan wang syarikat dalam projek yang lebih berisiko kerana mengharapkan pulangan yang lumayan. Maka perkhidmatan audit berkualiti tinggi diperlukan untuk menambahkan keyakinan pemberi hutang dan pemegang saham syarikat (Al-Ajmi, 2008). *Big 4* adalah sinonim dengan perkhidmatan audit berkualiti tinggi kerana keupayaannya membekalkan kakitangan yang berkecukupan dan terlatih serta mempunyai teknologi audit yang unggul (Leventis *et al.*, 2005). Juruaudit berkualiti tinggi mempunyai peluang yang lebih besar untuk mengurangkan kelewatan audit kerana mampu menggunakan sumber yang banyak (perekrutan, latihan dan teknologi) dan menggerakkan lebih banyak kakitangan yang berkecukupan untuk melakukan proses audit dengan lebih cepat (Rusmin dan Evans, 2017).

2.4.2 Jenis Pendapatan (*Sign of Income*)

Pengkaji sebelum ini berhujah bahawa syarikat-syarikat yang mengalami kerugian kebiasaannya mengalami kelewatan audit yang lebih lama, mereka juga mungkin akan melengahkan masa pelepasan laporan tahunan korporat dengan tujuan untuk mengelakkan berita buruk yang boleh merosakkan reputasi syarikat mereka (Afify, 2009; Ku Ismail dan Chandler, 2004; Bamber *et al.*, 1993). Syarikat yang mengalami kerugian berkemungkinan akan meminta juruaudit untuk membuat penjadualan semula agar memulakan tugas pengauditan lewat daripada biasa supaya berita buruk tentang kerugian syarikat lambat tersebar kepada orang ramai. Juruaudit pula akan lebih berhati-hati semasa proses audit sebagai tindak balas kepada kerugian syarikat terutamanya jika juruaudit percaya bahawa kerugian syarikat itu akan meningkatkan kemungkinan kegagalan kewangan atau penipuan pengurusan (Carslaw dan Kaplan, 1991). Lee dan Jahng (2008) mendapati bahawa firma

yang menguntungkan dan kurang berisiko mengambil masa pengauditan yang lebih pendek. Kajian lalu yang dijalankan oleh Rusmin & Evans (2017); Enrique & Borrero-Dominguez (2008); Lee & Jahng (2008); Ahmad, R., & Kamarudin, K. (2003); Bamber, Bamber, & Schoderbek (1993); dan Carlsaw & Kaplan (1991) mendapati jenis pendapatan berhubungan secara positif dengan kelewatan audit.

2.4.3 Saiz Syarikat (*Company size*)

Saiz syarikat telah digunakan secara meluas sebagai pembolehubah terkawal untuk kelewatan audit. Didapati saiz syarikat sentiasa mempunyai hubungan yang sangat negatif dengan tahap kelewatan audit. Kajian yang menyokong penemuan ini dapat dilihat dalam (Habib dan Bhuiyan, 2011; Afify, 2009; Al-Ajmi, 2008; Owusu-Ansah dan Leventis, 2006; Ku Ismail dan Chandler, 2004; Owusu-Ansah, 2000; Cooke, 1996). Saiz syarikat dimasukkan sebagai pembolehubah terkawal kerana syarikat pelanggan yang lebih besar boleh memberi pengaruh yang lebih besar kepada juruaudit mereka untuk menyelesaikan kerja audit dengan lebih cepat. Tambahan pula, syarikat-syarikat besar biasanya mempunyai sistem kawalan dalaman yang lebih kukuh yang membolehkan firma audit bergantung kepadanya dan seterusnya akan mengurangkan jumlah kerja audit (Rusmin dan Evans, 2017). Para penyelidik terdahulu mewajarkan keputusan tersebut berdasarkan hujah bahawa firma yang lebih besar dibandingkan dengan syarikat yang lebih kecil, mempunyai lebih ramai staf perakaunan, sistem perakaunan yang lebih baik dan mempunyai sumber yang lebih besar; semakin besar sesebuah firma, semakin kuat kawalan dalaman mereka yang membolehkan juruaudit luar menjalankan ujian substantif yang lebih rendah; tekanan luaran yang lebih besar daripada pelabur, pemegang saham dan kesatuan sekerja akan memberi tekanan kepada pengurusan syarikat-syarikat besar untuk memaksa juruaudit mereka untuk mempercepatkan masa

pelaporan supaya kelewatan audit dapat dipendekkan (Ku Ismail dan Chandler, 2004; Owusu-Ansah, 2000; Carslaw dan Kaplan, 1991; Ashton *et al.*, 1989; Cooke, 1996; Dyer dan McHugh, 1975).

2.4.4 Pendapat Audit (*Audit Opinion*)

Pendapat audit merupakan kenyataan formal yang dibuat oleh juruaudit yang diperakui serta dilantik oleh syarikat pelanggan untuk menjalankan pengauditan ke atas penyata kewangan mereka. Pendapat audit muncul melalui teori agensi untuk memberi petunjuk tentang kualiti laporan kewangan syarikat kepada pengguna penyata kewangan (Jensen & Mecking, 1976). Bamber *et al.* (1993) menggunakan dua jenis pendapat audit iaitu pendapat bersyarat dan pendapat tidak bersyarat. Tambah Bamber *et al.* (1993) lagi, beberapa kajian sebelum ini juga mencadangkan bahawa kelewatan audit berkaitan secara langsung dengan pendapat audit bersyarat. Apabila juruaudit mendapati bahawa mereka perlu mengeluarkan pendapat audit bersyarat, berkemungkinan akan mewujudkan konflik antara syarikat yang diaudit dan juruaudit, yang kemudiannya akan menyebabkan proses audit tertangguh. Kelewatan audit akan meningkat jika juruaudit mengeluarkan pendapat audit bersyarat kerana ia memberi gambaran tentang berita buruk.

Soltani (2002) mendapati bahawa beberapa karya penyelidikan terdahulu menunjukkan terdapat kelewatan yang ketara berkaitan dengan pendapat audit bersyarat. Secara umumnya, semakin serius pendapat audit bersyarat yang dikeluarkan oleh juruaudit, semakin panjang

kelewatan audit. Ia juga menunjukkan bahawa tingkah laku pelaporan syarikat dalam tahun dimana syarikat menerima pendapat audit bersyarat adalah jauh lebih panjang berbanding tingkah laku pelaporan normal (pendapat audit tidak bersyarat). Perkara ini telah terbukti berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan oleh Mukhtaruddin, *et al.*, 2015; Ismail, *et al.*, 2012; Abidin dan Ahmad-Zaluki, 2012; Shukeri dan Nelson, 2011; Türel, 2010; Che-Ahmad dan Abidin, 2008; Lee dan Jahng, 2008; Ahmad *et al.*, 2005; Ahmad dan Kamarudin, 2003; Soltani, 2002; dan Bamber *et al.*, 1993 yang mendedahkan bahawa kelewatan audit mempunyai persamaan positif dengan pendapat audit.

2.5 Teori-teori Penting

Kajian ini merupakan kajian empirikal berdasarkan sorotan literatur sebelumnya yang menerangkan hubungan antara peranan juruaudit, kompleksiti perniagaan dan kelewatan audit dengan menggunakan beberapa teori seperti Teori Agensi, Teori Isyarat, dan Teori Ketergantungan Sumber. Takrif dan perihalan teori-teori tersebut akan dijelaskan dalam subseksyen bab ini.

2.5.1 Teori Agensi (*Agency Theory*)

Teori agensi adalah salah satu teori penting dalam penyelidikan ini disebabkan oleh faktor di mana teori agensi mewakili seseorang yang menugaskan sesuatu tugas atau kerjanya. Teori ini memberi tumpuan kepada hubungan kontrak antara prinsipal dan ejen. Teori agensi juga

mengiktiraf kewujudan kontrak atau hubungan antara pengurus dan pemegang saham, institusi kewangan, juruaudit, pasaran saham dan agensi kerajaan (Tower dan Kelly 1989). Watts dan Zimmerman (1986) berhujah bahawa hubungan agensi adalah suatu tindakan di mana satu atau lebih prinsipal (pemilik) melibatkan orang lain sebagai ejen (*steward*) untuk menjalankan tugas atas namanya. Jensen dan Meckling (1976) dalam penyelidikannya mendapati bahawa ketepatan masa terangkum dalam konteks teori agensi kerana bagi mengurangkan konflik di antara prinsipal dan ejen, pihak pengurusan akan mengeluarkan laporan tahunan yang mengandungi maklumat berkualiti dalam masa yang sama dapat meningkatkan keyakinan bakal pelabur serta pelabur sedia ada.

Menurut Jensen dan Meckling (1976), salah satu segmen daripada kos agensi diwakili oleh kos pemantauan yang disokong oleh para pemegang saham untuk menyemak tindakan pengurus. Pengedaran penjelasan berkaitan dengan kewangan syarikat yang dibuat tanpa pengesahan oleh akauntan awam bertauliah (juruaudit luaran) yang telah dilantik untuk mengaudit sesebuah syarikat adalah tidak memadai. Maka perbelanjaan ke atas juruaudit luaran adalah segmen penting bagi perbelanjaan kos pemantauan, yang mana juruaudit perlu mengesahkan bahawa pengurus bertindak seperti yang telah digariskan untuk manfaat para pemegang saham, tambahan pula juruaudit mempunyai tugas wajib untuk menyiasat rekod organisasi. Diandaikan bahawa juruaudit akan melaburkan lebih banyak masa untuk memeriksa aktiviti pengurus dan akan mengeluarkan laporan audit bersyarat jika isu-isu agensi adalah besar.

Seorang ejen bertindak sebagai wakil kepada orang yang memberikan kuasa kepadanya. Kebiasaannya, ejen mempunyai maklumat yang lebih banyak daripada prinsipal dan maklumat asimetri akan menjejaskan kebolehan prinsipal untuk mengawasi sama ada ejen berkhidmat dengan baik dalam memastikan kepentingan mereka dipelihara dengan baik oleh ejen yang dilantik (Adams, 1994). Bagi mengawal konflik kepentingan dan mengurangkan kos agensi, pelbagai alat kawalan dalaman dan luaran telah dicadangkan. Salah satu alat kawalan luaran yang mungkin membantu dalam meminimumkan kos agensi adalah melalui intervensi juruaudit luaran sebagai pihak ketiga.

Watts dan Zimmerman (1983) mendapati, teori agensi mengesyorkan bahawa juruaudit perlu dilantik demi kepentingan pihak ketiga dan juga pengurusan. Selanjutnya, Adams (1994) menyatakan bahawa untuk penyelarasan kepentingan yang bertahap optimum dan keseimbangan maklumat dapat dicapai, adalah penting bagi kedua-dua prinsipal dan ejen membayar kos kontrak. Sebagai contoh, prinsipal (pemilik) akan menanggung perbelanjaan pemantauan (kos pengauditan luaran) untuk meminimumkan risiko pengelakan oleh ejen. Pengauditan dalaman pula mewakili kos ikatan yang diperolehi daripada pengurus (ejen) untuk memenuhi tuntutan para prinsipal (pemilik) ke atas akauntibiliti (Sherer dan Kent, 1983).

2.5.2 Teori Isyarat (*Signaling Theory*)

Teori isyarat berkaitan dengan bagaimana menangani masalah asimetri maklumat di dalam pasaran. Tujuan utama teori isyarat adalah untuk mengurangkan asimetri maklumat di antara dua pihak (Spence, 2002). Stiglitz (2000) mendapati teori isyarat mengatasi asimetri maklumat antara pengurusan dan pihak berkepentingan, di mana sebahagian besar sumber maklumat asimetri adalah berkaitan dengan niat atau kualiti sesuatu maklumat. Dalam konteks ini, kualiti merujuk kepada suatu pihak menunjukkan sifat-sifatnya yang tidak dapat dilihat dalam pertukaran premium bagi pihak lain (Spence, 1973). Manakala niat pula berkaitan dengan cara mengurangkan bahaya moral yang mungkin berpotensi disebabkan oleh tingkah laku pihak pertukaran (Holmstrom, 1979). Teori ini menunjukkan bagaimana asimetri maklumat dapat dikurangkan oleh pihak yang mempunyai lebih banyak maklumat memberi isyarat kepada orang lain. Walaupun teori itu dibangunkan di pasaran buruh, teori ini adalah fenomena umum yang berlaku di mana-mana pasaran yang terdapat asimetri maklumat (Morris, 1987). Selanjutnya, teori isyarat mengandaikan bahawa syarikat-syarikat yang efisien dapat menyediakan maklumat yang relevan kepada pelabur dan lebih baik berbanding syarikat yang kurang cekap dalam meningkatkan modal (Al-Sartawi, 2016).

Dalam konteks pemilihan juruaudit, isyarat merujuk kepada proses yang mana para pengurus dapat memberikan maklumat tambahan kepada pasaran mengenai pencapaian serta gelagat sesebuah organisasi (Bar-Yosef dan Livnat, 1984). Menurut Jensen dan Meckling (1976), jika kedua-dua pihak (prinsipal dan ejen) berusaha untuk memaksimumkan kepuasan (utiliti) masing-masing, maka wujud alasan kuat untuk mempercayai bahawa ejen akan bertindak

untuk kepentingan peribadi dan bukannya bertindak untuk kepentingan prinsipalnya. Prinsipal boleh mengehadkannya kuasa ejen dengan menetapkan insentif yang sesuai dan memantau serta mengehadkan tingkah laku melencong pihak ejen. Dalam keadaan biasa, asimetri maklumat wujud pada kualiti barangan yang dijual, menyebabkan kesukaran untuk membezakan antara jenis barang-barang yang berkualiti.

Asimetri maklumat antara pihak berkepentingan dan pengurus mengenai aliran tunai masa depan akan menyebabkan penyusutan nilai organisasi tersebut, terutamanya apabila berkaitan dengan penilaian saham. Pemegang saham mungkin memerlukan pengurus untuk mendedahkan maklumat yang berkaitan aliran tunai masa depan kerana kekayaan mereka dipertaruhkan. Sekiranya seseorang pengurus yang optimis mengenai aliran tunai masa depan syarikat telah melantik juruaudit yang berkualiti tinggi, hal ini memberikan isyarat kepada pihak berkepentingan bahawa kepentingan mereka dipantau dengan baik. (Titman dan Trueman, 1986).

2.5.3 Teori Ketergantungan Sumber (*Resource Dependence Theory*)

Teori Ketergantungan Sumber telah diperkenalkan oleh Jeffrey Pfeffer dan Gerald R. Salancik pada tahun 1978 di Stanford University. Teori Ketergantungan Sumber dibangunkan untuk memberi panduan tentang bagaimana untuk merekabentuk dan mengurus organisasi yang terdedah kepada kekangan luaran (Pfeffer & Salancik, 1978). Pengkaji kemudiannya menyiasat sama ada teori ini menjadi suatu karya berpengaruh dalam penyelidikan semasa

dan hubungannya dengan teori-teori lain (Pfeffer & Salancik, 2003). Tindakan dalaman dan luaran organisasi dapat difahami dengan menyiasat siapa yang memegang kuasa (Davis dan Cobb, 2010; Pfeffer dan Salancik, 2003). Organisasi berusaha untuk mempertahankan perniagaannya melalui pertukaran sumber dan mewujudkan ketergantungan antara organisasi agar dapat mengurangkan tahap ketidakpastian dalam persekitaran organisasi dan meminimumkan pergantungan mereka terhadap yang lain (Pilbeam, 2012).

Teori Ketergantungan Sumber menggabungkan dan menyatukan kuasa dalam organisasi dengan teori bagaimana organisasi berusaha mengurus persekitaran mereka (Davis & Cobb, 2010). Teori ketergantungan sumber menegaskan bahawa organisasi bergantung terutamanya kepada persekitaran luar mereka untuk sumber dan keberkesanannya bergantung kepada keupayaan mereka untuk menguruskan sumber dan kemampuan mereka untuk mendapatkannya dari persekitarannya. (Ruigrok, Peck dan Tacheva, 2007). Teori ketergantungan sumber menerangkan bagaimana organisasi berhubung dengan persekitarannya untuk menjamin aliran sumber yang stabil (Pfeffer, 1972). Teori ini menyokong hubungan antara juruaudit luaran dengan kualiti laporan kewangan di mana juruaudit luaran digunakan sebagai contoh mekanisma tadbir urus luaran yang sering digunakan oleh syarikat untuk menangani keperluan menguruskan sumber strategik (Haislip, Peters dan Richardson, 2013). Firma audit besar biasanya mempunyai pasukan audit yang lebih cekap kerana mereka mempunyai lebih banyak sumber serta dapat menyediakan latihan untuk kakitangan mereka, teknologi auditnya juga lebih canggih menyebabkan proses kerja audit dapat dipercepatkan dan kelewatan audit dapat dielakkan (Owusu-Ansah dan Leventis, 2006).

2.6 Ringkasan

Tiga jenis teori telah digunakan dalam bahagian ini untuk menjelaskan kelewatan pelaporan kewangan. Teori-teori ini terdiri daripada Teori Agensi, Teori Isyarat, dan Teori Ketergantungan Sumber. Walaupun tidak ada teori khusus yang dapat menerangkan tentang peranan juruaudit, teori agensi adalah teori yang terbaik untuk menjelaskannya. Selain dari itu, kajian lepas mengenai peranan juruaudit telah dikaji semula dalam bahagian ini.



BAB TIGA

REKA BENTUK DAN METODOLOGI KAJIAN


3.1 Pengenalan

Bab ini akan merangkumi kaedah penyelidikan, dan kerangka kerja penyelidikan. Bahagian 3.2 menerangkan kerangka kerja penyelidikan ini. Bahagian 3.3 menerangkan cara pengukuran bagi pembolehubah bersandar, pembolehubah hipotesis, pembolehubah perantara dan pembolehubah terkawal. Di samping itu, bahagian 3.4 menjelaskan sumber pengumpulan data. Manakala bahagian 3.5 membincangkan perihal spesifikasi model. Akhir sekali, bahagian 3.6 menerangkan sampel kajian dan jenis analisis yang akan digunakan untuk mengukur pembolehubah.

3.2 Kerangka Kerja Penyelidikan

Rangka kerja penyelidikan yang ditunjukkan dalam Rajah 3.1 di bawah menunjukkan hubungan antara pembolehubah bebas, pembolehubah perantara dan pembolehubah bersandar berdasarkan sorotan literatur dalam Bab Dua. Penyelidikan ini mencadangkan kepakaran juruaudit luaran dapat mempengaruhi hubungan antara kompleksiti dan kelewatan pelaporan audit serta semua pembolehubah lain untuk pengembangan hipotesis kajian ini. Analisis kajian ini akan dijalankan menggunakan analisis regresi berganda (*multiple regression analysis*).

Rajah 3.1: Rangka kerja penyelidikan



3.3 Pengukuran Pembolehubah

Semua pembolehubah-pembolehubah kajian ini yang terdiri daripada pembolehubah bersandar, pembolehubah bebas, pembolehubah perantara dan pembolehubah terkawal yang akan diukur menggunakan kaedah berikut:

3.3.1 Pengukuran Pembolehubah Bersandar

Fokus utama kajian ini adalah tentang kelewatan audit (ARL) selaku pembolehubah bersandar. Pembolehubah ini diukur dengan mengira bilangan hari di antara tarikh akhir akaun syarikat ditutup sehingga tarikh laporan juruaudit luaran dikeluarkan.

3.3.2 Pengukuran Pembolehubah Hipotesis

3.3.2.1 Jenis Juruaudit (AUDTYP)

Pembolehubah ini diukur dengan menggunakan pembolehubah *dummy* yang bermaksud "1" diberikan jika juruaudit terdiri daripada PricewaterhouseCoopers, Ernst & Young, KPMG atau Deloitte (dikenali sebagai *Big 4*) dan "0" jika *non-Big 4*.

3.3.2.2 Inventory receivable (INVREC)

Dalam kajian ini, INVREC dipilih sebagai kaedah pertama untuk mengukur kompleksiti syarikat. Semakin besar bahagian inventori dan akaun belum terima syarikat dalam jumlah aset keseluruhan syarikat, semakin panjang proses pengauditan yang perlu dijalankan untuk mengesahkan amaun tersebut dalam penyata kunci kira-kira. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengenalpasti berapa nisbah sebenar inventori dan akaun belum terima (penghutang) kepada jumlah aset syarikat. Pengiraan INVREC bagi kajian ini adalah inventori ditambah dengan penghutang dibahagikan dengan jumlah keseluruhan aset.

3.3.2.3 Bilangan Subsidiari (SUBS)

Kaedah kedua mengukur kompleksiti pula adalah dengan cara mengenalpasti bilangan syarikat subsidiari yang dimiliki oleh syarikat induk. Semakin banyak subsidiari yang dimiliki oleh sesebuah syarikat tersenarai, semakin rumit tugas juruaudit untuk menyediakan akaun disatukan (*consolidated accounts*). Tambahan pula jika syarikat induk mempunyai subsidiari di luar negara kerana kebarangkalian syarikat-syarikat subsidiari dari luar negara tersebut mempunyai perbezaan jadual audit adalah tinggi. Bilangan subsidiari diukur dengan cara *natural log* bilangan subsidiari ditambah dengan 1 yang mewakili syarikat induk.



3.3.3 Pengukuran Pembolehubah Perantara

Pembolehubah ini juga digunakan sebagai pembolehubah perantara bagi kompleksiti dengan kelewatan audit bagi mengkaji kewujudan interaksi antara jenis juruaudit dengan kompleksiti perniagaan dalam mengurangkan kelewatan audit di kalangan syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Malaysia dengan cara mendarabkan AUDTYP dengan kompleksiti yang terdiri daripada INVREC dan SUBS.

3.3.4 Pengukuran Pembolehubah Terkawal

3.3.4.1 Leveraj (LEV)

Peningkatan dalam *gearing ratio* berkemungkinan boleh menyebabkan kos agensi meningkat kerana pemegang saham mungkin menuntut proses audit dijalankan dengan lebih berkualiti tinggi dan teliti untuk memantau wang yang mereka melabur dalam projek yang lebih berisiko (Jensen dan Meckling, 1976; Al-Ajmi, 2008). Leveraj boleh dikira dalam pelbagai cara seperti nisbah hutang kepada jumlah aset oleh Clatworthy dan Peel (2016), Al-Ajmi, (2008) dan Ku Ismail dan Chandler (2005); nisbah hutang kepada ekuiti oleh Rusmin dan Evans (2017), Campa (2013); Mahajan dan Chander (2008); Che-Ahmad dan Abidin (2008) dan Lopes dan Rodrigues (2007). Berpandukan kebanyakan kajian lalu, kajian ini mengukur leveraj syarikat dengan nisbah hutang jangka panjang kepada jumlah ekuiti.

3.3.4.2 Jenis Pendapatan (LOSS)

Kajian ini mengukur jenis pendapatan atau prestasi firma berdasarkan keuntungan atau kerugian sebelum cukai yang ditanggung berdasarkan tahun-tahun yang sedang diuji iaitu tahun 2015 dan 2016. Jenis pendapatan diukur menggunakan pembolehubah dummy, dengan skor “1” jika syarikat mengalami kerugian dan “0” sekiranya syarikat memperoleh keuntungan. Kajian terdahulu mendapati syarikat-syarikat yang mengalami kerugian juga akan mengalami kelewatan dalam pelaporan kewangan (Ku Ismail dan Chandler, 2004; Afify, 2009; Ashton *et al.*, 1989).

3.3.4.3 Saiz Syarikat (SIZE)



Berdasarkan kajian lalu, saiz syarikat boleh diukur melalui beberapa kaedah seperti jumlah jualan tahunan (Ng dan Tai, 1994), jualan bersih (Naser *et al.*, 2002), dan jumlah pemegang saham (Cooke, 1989). Menurut Abdel-Khalik (1993), jumlah aset dianggap sebagai kaedah terbaik untuk mengukur saiz firma kerana ia mencerminkan jumlah maksimum risiko kekayaan sesebuah syarikat. Kajian terdahulu telah membuktikan bahawa salah satu langkah yang paling umum digunakan oleh pengkaji terdahulu adalah *natural log asset* (Clatworthy dan Peel, 2016; Mukhtaruddin, *et al.*, 2015; Hashim dan Abdul Rahman, 2011; Afify, 2009; Owusu-Ansah dan Leventis, 2006; Ku Ismail dan dan Chandler, 2004; Abdel-Khalik, 1993; Ashton, Graul dan Newton, 1989). Maka, kaedah *natural log asset* juga digunakan dalam kajian ini bagi mengukur saiz syarikat.

3.3.4.4 Pendapat Audit (AUDOPI)

Kajian lalu mencadangkan pendapat audit yang diterima oleh syarikat merupakan antara faktor-faktor penentu kecepatan atau kelewatan penerbitan laporan audit. Sekiranya juruaudit memberikan pendapat bersyarat, ia dianggap sebagai berita buruk kepada syarikat dan secara tidak langsung boleh menyebabkan berlaku konflik antara syarikat dan juruaudit sehingga menyebabkan pihak syarikat melewatkan pengeluaran penyata kewangan beraudit pada tahun tersebut.

Syarikat yang menerima pendapat audit bersyarat dijangka akan mengalami kelewatan audit yang lebih lama jika dibandingkan dengan syarikat yang menerima pendapat audit tidak bersyarat. Berdasarkan dapatan tersebut, kertas kerja ini juga akan meneliti hubungan antara kelewatan audit dengan pendapat audit sebagai salah satu pembolehubah terkawal. Jenis pendapat audit diukur oleh pembolehubah *dummy*, dengan skor “1” jika syarikat menerima pendapat audit bersyarat, dan “0” bagi syarikat yang menerima pendapat tidak bersyarat.

Jadual 3.1: Ringkasan pengukuran pembolehubah

Pembolehubah	Definisi	Hubungan	Kaedah Pengukuran
	Pembolehubah bersandar		
ARL	Kelewatan audit	-	Mewakili bilangan hari di antara tarikh akhir akaun syarikat ditutup sehingga tarikh laporan juruaudit luaran dikeluarkan.

	Pembolehkan Hipotesis		
AUDTYPE	Jenis juruaudit	Negatif	Pembolehkan <i>dummy</i> , "1" jika juruaudit terdiri daripada <i>Big 4</i> dan "0" jika <i>non-Big 4</i> .
INVREC	Inventori Penghutang	Positif	Mewakili nisbah inventori dan akaun belum terima kepada jumlah aset.
SUBS	Bilangan subsidiari	Positif	Mewakili <i>natural log</i> bilangan subsidiari ditambah dengan 1 (termasuk syarikat induk).
Pembolehkan Terkawal			
LEV	Leveraj	Negatif	Peratusan hutang jangka panjang (tidak termasuk <i>deferred tax</i>) kepada jumlah ekuiti.
LOSS	Jenis pendapatan	Positif	Pembolehkan <i>dummy</i> , dengan skor "1" jika syarikat mengalami kerugian dan "0" jika syarikat memperoleh keuntungan.
SIZE	Saiz syarikat	Negatif	<i>Natural log</i> jumlah aset

AUDOPI	Pendapat audit	Positif	Pembolehubah <i>dummy</i> , "1" jika pendapat audit bersyarat, dan "0" jika pendapat audit tidak bersyarat.
--------	----------------	---------	---

3.4 Pengumpulan Data

Berdasarkan Jadual 3.2, populasi yang digunakan dalam kajian ini adalah 921 buah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia setakat 17/06/2017. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat dari industri kewangan akan dikecualikan daripada pemilihan sampel kajian. Data untuk kajian ini adalah berdasarkan data sekunder. Sampel syarikat yang dipilih pula terdiri daripada 349 buah syarikat (N = 698) yang tersenarai di Bursa Malaysia untuk tahun 2015 dan 2016. Kajian ini akan memberi penekanan kepada tempoh masa dan digunakan untuk menentukan kelewatan audit dan pembolehubah eksperimen yang mempengaruhi kelewatan audit.

Jadual 3.2: Pemilihan Sampel Kajian

	N
Jumlah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia pada 17/06/2017 bagi tahun 2015 dan 2016	921
Dipilih secara rawak (N = 698)	349

3.5 Spesifikasi Model

Multiple regression analysis digunakan untuk menguji hubungan pembolehubah bersandar. Terdapat dua model yang akan diuji dalam kajian ini. Model pertama (Model 1) adalah berkaitan hubungan antara kelewatan audit dengan pembolehubah bebas yang terdiri daripada jenis juruaudit (AUDTYPE), kompleksiti iaitu inventori belum terima (INVREC) dan bilangan subsidiari (SUBS) serta pembolehubah terkawal yang terdiri daripada leveraj (LEV), jenis pendapatan (LOSS), saiz syarikat (SAIZ), dan pendapat Audit (AUDOPI). Kelewatan audit bagi Model 1 dalam kajian ini diadaptasi daripada kajian sebelumnya (Hashim dan Abdul Rahman, 2011; Mohamad-Nor, Shafie dan Wan Hussin 2010; Afify, 2009; Leventis *et al.*, 2005; Bamber *et al.*, 1993). Kelewatan audit bagi Model 1 untuk kajian ini adalah seperti berikut:

$$ARL = \beta_0 + \beta_1 \text{AUDTYPE} + \beta_2 \text{INVREC} + \beta_3 \text{SUBS} + \beta_4 \text{LEV} + \beta_5 \text{LOSS} + \beta_6 \text{SIZE} + \beta_7 \text{AUDOPI} + \varepsilon$$

Dimana β_0 mewakili pekali kekangan regresi; β_1 - β_3 mewakili koefisien regresi bagi pembolehubah bebas; β_4 - β_7 koefisien bagi pembolehubah terkawal; ε , mewakili istilah ralat rawak.

Model kedua (Model 2) pula akan mengkaji sama ada firma audit besar (*Big 4*) dapat memainkan peranan mereka dengan baik untuk mengurangkan kelewatan audit yang disebabkan oleh persekitaran korporat yang kompleks. Oleh itu, penyelidik akan memanjangkan model sebelumnya (Model 1) dengan menambah interaksi jenis juruaudit (sebagai pembolehubah perantara) kepada kompleksiti yang terdiri daripada (AUDTYPE *

INVREC) dan (AUDTYPE * SUBS) dalam model baru. Kelewatan audit bagi Model 2 untuk kajian ini adalah seperti berikut:

$$ARL = \beta_0 + \beta_1 \text{ AUDTYPE} + \beta_2 \text{ INVREC} + \beta_3 \text{ SUBS} + \beta_4 \text{ AUDTYPE} * \text{ INVREC} + \beta_5 \text{ AUDTYPE} * \text{ SUBS} + \beta_6 \text{ LEV} + \beta_7 \text{ LOSS} + \beta_8 \text{ SIZE} + \beta_9 \text{ AUDOPI} + \epsilon.$$

Dimana β_0 mewakili pekali kekangan regresi; β_1 - β_5 mewakili koefisien regresi bagi pembolehubah bebas; β_6 - β_9 koefisien bagi pembolehubah terkawal; ϵ , mewakili istilah ralat rawak.

3.6 Analisis Data

Dalam menjalankan kerja penyelidikan ini, 349 buah syarikat (N=698) yang telah dipilih dengan menggunakan teknik pensampelan mudah rawak. Data diperoleh daripada laporan tahunan yang diterbitkan di Bursa Malaysia. Jenis statistik yang digunakan untuk mengukur data kuantitatif dalam analisis ini adalah *Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 23* untuk mendapatkan keputusan.

3.6.1 Analisis Deskriptif

Dalam kajian ini, analisis deskriptif digunakan untuk menentukan peratusan, nilai minimum, maksimum, purata, dan sisihan piawai bagi setiap pembolehubah.

3.6.2 *Pearson correlation*

Pearson correlation digunakan dalam kajian ini untuk mengukur tahap hubungan antara pembolehubah bersandar iaitu kelewatan audit (ARL) dengan pembolehubah hipotesis yang terdiri daripada jenis juruaudit (AUDTYP) serta dua jenis kompleksiti iaitu nisbah inventori dan akaun belum terima kepada jumlah aset (INVREC) dan bilangan anak syarikat (SUBS) serta pembolehubah terkawal yang terdiri daripada leveraj (LEV), jenis pendapatan (KERUGIAN), saiz syarikat (SIZE), dan pendapat audit (AUDOPI). *Pearson correlation coefficient* menunjukkan kekuatan hubungan di antara kedua-dua jenis pembolehubah. Dari dapatan kajian *Pearson Correlation*, hubungan antara pembolehubah boleh dijelaskan berdasarkan Davis (1997) yang mencadangkan lima jenis hubungan seperti yang ditunjukkan di Jadual 3.3:

Jadual 3.3: *Davis Scale Model*

JULAT	DEFINISI
0.70 dan ke atas	Hubungan yang sangat kuat
0.50 – 0.69	Hubungan yang kuat
0.30 – 0.49	Hubungan sederhana
0.10 – 0.29	Hubungan lemah
0.01 – 0.09	Hubungan sangat lemah

3.6.3 *Multiple Regression Analysis*

Dari kajian literatur, analisis regresi adalah teknik yang sesuai untuk menguji hubungan antara kelewatan audit dengan pembolehubah-pembolehubah bebas. Jika dua atau lebih

pembolehubah bebas mempunyai hubungan linear dengan pembolehubah bersandar, regresi tersebut dipanggil *multiple linear regression*. Dengan menggunakan *R Square*, kajian ini akan dapat menganalisa jumlah varians yang dijelaskan dalam pembolehubah bersandar serta pembolehubah bebas. *Multiple regression analysis* digunakan dalam kajian ini untuk menentukan sama ada pembolehubah bebas menerangkan hubungan signifikan dengan pembolehubah bersandar, atau tidak. Ringkasnya, *multiple regression analysis* digunakan untuk menganalisis kesan pembolehubah-pembolehubah eksperimen ini kepada tempoh yang diambil oleh juruaudit luaran untuk menyelesaikan proses pengauditan. Hasil dari analisis ini juga akan digunakan untuk mengenal pasti sama ada hipotesis kajian ini boleh diterima atau ditolak.



BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membentangkan dan membincangkan tentang penemuan analisis statistik. Bahagian pertama menyediakan analisis deskriptif termasuk minimum, maksimum, purata dan sisihan piawai dengan menjalankan kajian ke atas laporan kewangan tahunan dari syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia bagi tempoh 2015 dan 2016 sebagai analisis perbandingan. Bahagian kedua membincangkan analisis korelasi untuk menggambarkan kekuatan dan arah hubungan linear antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. *Pearson correlation coefficient* telah digunakan dalam analisis ini. Bahagian ketiga menunjukkan hasil analisis regresi untuk menerangkan pembolehubah yang mempunyai kesan signifikan terhadap kelewatan audit.

4.2 Analisis Deskriptif

Jadual 4.1 menunjukkan bahawa pada tahun 2015 terdapat 153 (43.8%) buah syarikat tersenarai di Bursa Malaysia memilih *Big 4* untuk menjalankan pengauditan di syarikat mereka. Manakala bagi tahun 2016, sebanyak 150 buah syarikat memilih *Big 4* menjadikan peratusan tersebut berkurangan kepada 43.0% berbanding tahun sebelumnya. Penurunan ini berkemungkinan disebabkan syarikat-syarikat tersenarai telah memilih untuk menggunakan perkhidmatan juruadit selain daripada *Big 4* kerana faktor yuran audit yang lebih rendah ditawarkan oleh firma audit bersaiz sederhana seperti BDO, Grand Thornton, UHY dan

sebagainya. Daripada 349 buah syarikat sampel yang dipilih bagi tempoh setahun, terdapat sejumlah kecil syarikat yang memperolehi pendapat audit bersyarat (*qualified audit opinion*) yang terdiri daripada 7 (2%) buah syarikat untuk 2015 dan hanya 3 (0.9%) buah syarikat untuk 2016. Daripada jadual kekerapan juga, terdapat 79 (22.6%) buah syarikat telah mengalami kerugian pada tahun 2015 dan angka itu meningkat kepada 95 (27.2%) buah syarikat pada tahun 2016 dan menunjukkan peningkatan bilangan syarikat yang mengalami kerugian sebanyak 4.6%.

Jadual 4.1: Statistik Deskriptif untuk pembolehubah mengikut kategori

Pembolehubah (N = 349)	Kategori	Kekerapan		Peratusan (%)	
		2015	2016	2015	2016
Jenis Juruaudit (AUDTYP)	<i>Big 4</i>	153	150	43.8%	43.0%
	<i>Non-Big 4</i>	196	199	56.2%	57.0%
Pendapat Audit (AUDOPI)	Pendapat audit bersyarat	7	3	2%	0.9%
	Pendapat audit tidak bersyarat	342	346	98%	99.1%
Jenis Pendapatan (LOSS)	Rugi	79	95	22.6%	27.2%
	Untung	270	254	77.4%	72.8%

Berdasarkan Jadual 4.2 di bawah, skor purata kelewatan audit untuk gabungan tahun 2015 dan 2016 (sampel disatukan) adalah 95.5 hari dengan minimum 14 hari dan maksimum 167 hari. Keputusan ini mendedahkan bahawa, secara purata syarikat mengambil masa kira-kira 95.5 hari untuk menerbitkan laporan audit mereka. Penemuan ini mencadangkan bahawa dengan menggunakan sampel yang terdiri daripada 91 buah syarikat yang tersenarai di pasaran ACE dan 258 buah syarikat awam yang tersenarai di pasaran utama telah memenuhi keperluan pendedahan di Bursa Malaysia yang menetapkan penerbitan penyata kewangan beraudit

mestilah kurang dari 120 hari selepas tarikh akhir tempoh kewangan sesebuah syarikat. Secara empirikalnya, Mohamad-Nor *et al.* (2010) telah menemui jumlah maksimum penerbitan penyata kewangan beraudit adalah sebanyak 332 hari, Afify (2009) sebanyak 115 hari, manakala Che-Ahmad dan Abidin (2008) mendedahkan terdapat syarikat awam yang memerlukan tempoh maksimum 442 hari untuk melengkapkan laporan tahunan beraudit.

Jadual 4.2: Statistik Diskriptif bagi Kelewatan Pelaporan Audit (N = 698)

Tahun		N	Minimum	Maksimum	Purata	Sisihan Piawai
2015	ARL	349	14	167	95.54	19.929
2016	ARL	349	34	167	95.45	18.314
2015 - 2016	ARL	698	14	167	95.50	19.125

Nota: ARL = bilangan hari antara akhir tahun fiskal sehingga tarikh laporan audit diterbitkan.

Jadual 4.3 menunjukkan bilangan syarikat dan kelewatan audit bagi tahun 2015 dan 2016. Keputusan ini menunjukkan bahawa pada tahun 2015, sebanyak 2 (0.57%) buah syarikat telah berjaya menyiapkan dan mengemukakan laporan kewangan beraudit tahunannya dalam tempoh sebulan. Walau bagaimanapun, pada tahun 2016 tiada syarikat yang berjaya menerbitkan penyata kewangan yang telah diaudit dalam masa sebulan. Penemuan ini selari dengan Hashim dan Abdul Rahman, (2011) yang meneliti laporan tahunan 288 syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia selama tiga tahun dari 2007 hingga 2009. Pengkaji tersebut juga mendapati tiada syarikat yang berjaya mengeluarkan laporan tahunan dalam tempoh sebulan. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pada tahun 2015 terdapat 342 (97.99%) dan pada tahun 2016 sebanyak 346 (99.14%) buah syarikat telah menyiapkan dan mengemukakan laporan tahunan mereka dalam tempoh 4 bulan mengikut keperluan Bursa Malaysia bagi tahun 2015 dan 2016.

Berdasarkan Bab 9 perenggan 9.23 Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia, semua syarikat tersenarai diberi mandat untuk mengeluarkan laporan tahunan mereka dalam tempoh 4 bulan dari tarikh akhir tahun kewangan. Berdasarkan Jadual 4.3, 110 (31.52%) dan 114 (32.66%) buah syarikat pada tahun 2015 dan 2016 masing-masing dapat mengeluarkan laporan tahunan mereka dalam tempoh 1 bulan lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia. Ini menunjukkan bahawa syarikat-syarikat tersenarai kurang menyedari kepentingan dan tahap kegunaan maklumat kewangan syarikat di kalangan pengguna terutamanya pelabur untuk membuat keputusan pelaburan mereka. Penemuan ini tidak selari dengan tanggapan pengkaji terdahulu bahawa kelewatan yang berlebihan dalam menerbitkan penyata kewangan akan meningkatkan ketidakpastian berhubung dengan keputusan pelaburan (Hashim dan Abdul Rahman, 2011, Ahmad dan Kamarudin 2003; Ashton *et al.*, 1987).

Jadual 4.3 juga menunjukkan bahawa bagi kedua-dua tahun sampel, terdapat 232 (66.48%) buah syarikat di Bursa Malaysia yang memerlukan sekitar 91 hingga 120 hari untuk menyelesaikan laporan kewangan berauditnya. Penemuan ini barangkali memberikan isyarat bahawa tempoh 4 bulan yang diberikan oleh Bursa Malaysia terlalu pendek untuk syarikat-syarikat tersenarai ini memenuhinya. Selain itu, terdapat 7 (2.01%) dan 3 (0.86%) syarikat yang gagal menerbitkan penyata kewangan yang telah diaudit dalam tempoh yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia pada tahun 2015 dan 2016.

Jadual 4.3: Bilangan syarikat dan selang masa laporan audit bagi tahun 2015 dan 2016

Selang Masa Laporan Audit	Bilangan Syarikat		Peratusan (%)	
	2015	2016	2015	2016
1 bulan (30 hari)	2	0	0.57%	0%
2 bulan (60 hari)	28	27	8.02%	7.73%
3 bulan (90 hari)	80	87	22.92%	24.93%
4 bulan (120 hari)	232	232	66.48%	66.48%
Melebihi 150 hari	7	3	2.01%	0.86%
Jumlah	349	349	100%	100%

Jadual 4.4 menunjukkan bilangan syarikat yang memilih untuk diaudit oleh *Big 4* dan *non-Big 4* di pasaran ACE dan pasaran Utama Bursa Malaysia. Bagi pasaran ACE, dalam kedua-dua tahun iaitu 2015 dan 2016, daripada 91 buah syarikat yang dipilih hanya 9 (9.89%) buah syarikat mendapatkan khidmat *Big 4* sebagai juruaudit luaran syarikat. Manakala 82 (90.11%) buah syarikat lagi memilih *non-Big 4* sebagai juruaudit luaran syarikat mereka. Di pasaran ACE, syarikat-syarikat kurang berminat untuk memilih *Big 4* sebagai juruaudit luaran syarikat mereka berkemungkinan kerana yuran audit yang dikenakan lebih tinggi berbanding *non-Big 4*. Craswell, Francis & Taylor (1995) mendapati bahawa yuran audit yang dikenakan oleh *Big 4* (sebelum ini dikenali sebagai *Big 8*) adalah lebih premium kerana mempunyai kelebihan dari segi jenama dan pengkhususan industri. Dapatan ini selari dengan kajian Campa (2013) yang mendapati *Big 4* telah mengenakan pelanggannya "yuran audit premium". Di pasaran utama pula, sebanyak 144 (55.81%) buah syarikat menggunakan khidmat *Big 4* dan 114 (44.19%) memilih *non-Big 4* untuk memperakukan penyata kewangan syarikatnya pada tahun 2015. Bilangan *Big 4* menurun kepada 141 (54.65%) menyebabkan bilangan syarikat yang diaudit oleh *non-Big 4* meningkat kepada 117 (45.35%) pada tahun 2016.

Jadual 4.4: Bilangan syarikat yang memilih untuk diaudit oleh Big 4 dan non-Big 4 berdasarkan jenis pasaran

	2015				2016			
	Bilangan Syarikat		Peratusan (%)		Bilangan Syarikat		Peratusan (%)	
	Big 4	Non-Big 4	Big 4	Non-Big 4	Big 4	Non-Big 4	Big 4	Non-Big 4
PASARAN ACE	9	82	9.89%	90.11%	9	82	9.89%	90.11%
PASARAN UTAMA	144	114	55.81%	44.19%	141	117	54.65%	45.35%

Jadual 4.5 menunjukkan nilai bagi pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini yang terdiri daripada bilangan sampel (N), nilai minimum, maksimum, purata serta sisihan piawai bagi semua pembolehubah yang diuji. Analisis statistik deskriptif telah dilakukan terhadap 698 data pemerhatian yang diperolehi daripada pendaraban 349 buah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia bagi tahun 2015 dan 2016.

Menurut Carslaw dan Kaplan (1991), INVREC mempunyai hubungan positif dengan kelewatan pelaporan audit kerana lebih besar inventori dan akaun belum terima yang dimiliki oleh sesebuah syarikat pelanggan, semakin lama masa yang akan dihabiskan oleh juruaudit untuk mengesahkan angka penyata kunci kira-kira. Dalam kajian ini, purata INVREC adalah 0.4013, dengan nilai minimum adalah 0, nilai maksimum sebanyak 42.7505 dan sisihan piawai 2.1761. Sebelumnya, Che-Ahmad dan Abidin (2008) mendapati purata INVREC sedikit lebih rendah pada 0.29 berbanding dengan kajian ini.

Syarikat-syarikat tersenarai di Malaysia dalam sampel mempunyai purata 19.27 buah subsidiari (SUBS) dengan maksimum 327. Seseengah kerja audit adalah lebih kompleks daripada yang lain kerana peningkatan dalam bilangan urus niaga disebabkan peningkatan dalam bilangan

syarikat-syarikat subsidiari. Penglibatan *Big 4* dalam pengauditan di syarikat tersenarai di Bursa Malaysia menurunkan purata INVREC dan SUBS daripada 0.4013 hingga 0.221 dan masing-masing dari 19.27 hingga 11.5745. Ini menunjukkan kebarangkalian bahawa kehadiran juruaudit luaran dapat meminimumkan kelewatan audit.

Leveraj (LEV) diukur berdasarkan peratusan daripada hutang jangka panjang kepada jumlah ekuiti dan keputusannya menunjukkan nilai minimum 0, nilai maksimum 52.68, nilai purata 0.491, dan sisihan piawai 2.8116. Syarikat-syarikat awam tersenarai boleh membuat pinjaman wang sebagai strategi pelaburan untuk meningkatkan pulangan pelaburan kepada para pemegang saham. Penemuan kajian ini mendapati nisbah hutang kepada jumlah ekuiti adalah sebanyak 49.1%, ia menunjukkan bahawa kurang daripada separuh daripada aset syarikat tersenarai perlu dibiayai oleh hutang. Keadaan ini boleh mengurangkan kecenderungan pihak pengurusan untuk menanggungkan penerbitan laporan audit kerana liabiliti syarikat kurang daripada jumlah milikan aset. Lebih rendah nisbah hutang kepada ekuiti adalah lebih baik untuk menggambarkan reputasi sesebuah syarikat. Kajian yang dilakukan oleh Rusmin dan Evans (2017) mendedahkan bahawa berdasarkan sampel 407 syarikat yang tersenarai di Indonesia, hanya 1.39% hutang dan liabiliti jangka panjang lain yang digunakan untuk membiayai pelaburannya. Ia menunjukkan bahawa syarikat yang tersenarai di Indonesia kurang berisiko daripada syarikat yang mempunyai leveraj yang lebih tinggi.

Jenis pendapatan (LOSS) merupakan salah satu pembolehubah yang mempengaruhi kelewatan audit. Syarikat-syarikat yang melaporkan kerugian adalah dilabelkan sebagai satu (1) dan sebaliknya adalah sifar (0). Sebanyak 174 (24.9%) syarikat telah melaporkan kerugian, manakala 524 syarikat (75.1%) melaporkan keuntungan bersih pada akhir tahun. Jumlah aset syarikat digunakan untuk mengukur saiz syarikat. Penemuan kajian mendapati purata bagi

jumlah aset (SIZE) untuk tahun yang disatukan ialah 19.5959 dengan saiz minimum sebanyak 10.6435 dan maksimum 24.9319. Yaacob & Che-Ahmad (2012) melaporkan purata bagi jumlah aset ialah 19.68 yang mana angka itu adalah sejajar dengan dapatan kajian ini. Bagi pendapat audit (AUDOPI), pembolehubah *dummy* dengan satu (1) mewakili syarikat-syarikat yang mempunyai pendapat audit bersyarat (*qualified opinion*), penafian (*disclaimer opinion*) atau buruk (*adverse opinion*). Sebaliknya, sifar (0) ditugaskan untuk syarikat yang mempunyai pendapat audit tidak bersyarat (*unqualified audit opinion*). Daripada 698 sampel yang dipilih, hanya 10 buah syarikat (mewakili 1.43% sampel) menerima pendapat audit bersyarat dengan purata 0.01. Daripada analisis deskriptif, ia menunjukkan bahawa tidak banyak syarikat tersenarai yang menerima pendapat audit bersyarat bagi tahun 2015 dan 2016. Terdapat kajian-kajian lalu yang telah mempertimbangkan pendapat audit (AUDOPI) sebagai salah satu pembolehubah yang mempengaruhi kelewatan audit (Rusmin dan Evans, 2017; Che -Ahmad dan Abidin, 2008; Newton & Ashton, 1989; Ashton *et al.*, 1987).

Jadual 4.5: Analisis Deskriptif bagi syarikat yang disenaraikan di Malaysia pada 2015 – 2016

Pembolehubah	N	Minimum	Maximum	Purata	Sisihan Piawai
Pembolehubah Bersandar					
ARL	698	14	167	95.50	19.125
Pembolehubah Bebas					
AUDTYP	698	0	1	0.4341	0.496
INVREC	698	0	42.7505	0.4013	2.1761
SUBS	698	1	327	19.27	31.409
AUDTYP * INVREC	698	0	42.7505	0.221	2.1818
AUDTYP * SUBS	698	0	203	11.5745	27.9282

Pembolehubah Terkawal					
LEV	698	0	52.68	0.4914	2.8116
LOSS	698	0	1	0.2493	0.4329
SIZE	698	10.6435	24.9319	19.59589	1.7015
AUDOPI	698	0	1	0.0143	0.1189

4.3 Analisis Korelasi

Kaedah analisis *Pearson Correlation* telah digunakan untuk menentukan arah di antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas. *Pearson correlation coefficient* hanya boleh mengambil nilai-nilai dari -1 ke +1. Jadual 4.6 menunjukkan *correlation matrix* untuk model yang dipilih bagi kajian ini.

Berdasarkan Jadual 4.6, terdapat tiga pembolehubah yang mempunyai korelasi yang signifikan dengan kelewatan audit. Jenis juruaudit (AUDTYP) dan saiz syarikat (SIZE) secara negatifnya mempunyai hubungan yang signifikan dengan kelewatan audit pada 1%. Ia menunjukkan bahawa kelewatan audit adalah lebih pendek apabila proses audit dilakukan oleh juruaudit yang mempunyai kemahiran yang tinggi (*Big 4*) yang mempunyai pengetahuan dalam industri khusus dan mereka dengan mudah dapat mengadaptasi perubahan perakaunan atau peraturan yang sejajar dengan status mereka sebagai juruaudit pakar. Tambahan pula, apabila saiz firma meningkat, ia akan menyebabkan kelewatan audit berkurangan.

Dari sudut lain pula, jenis pendapatan (LOSS) secara positif berkait rapat dengan kelewatan audit. Ini bermakna apabila syarikat mengalami kerugian dalam tahun tertentu, mereka

mempunyai kecenderungan untuk melambatkan tarikh pengumuman laporan kewangan mereka. Korelasi antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas yang lain termasuk nisbah inventori dan akaun belum terima kepada jumlah aset (INVREC), bilangan anak syarikat (SUBS), leverage (LEV) dan pendapat audit (AUDOPI) dilihat mempunyai hubungan yang lemah dengan kelewatan audit.

Beberapa pembolehubah bebas juga berkorelasi antara satu sama lain. Sebagai contoh, AUDTYP dan SIZE ($\ln Asset$) mempunyai correlation coefficients sebanyak 0.516. Ia menunjukkan bahawa saiz firma adalah positif berkait rapat dengan jenis juruaudit pada 1%. Dalam kebanyakan situasi, kedua-dua pembolehubah berkorelasi secara positif kerana apabila syarikat mempunyai lebih banyak aset, kebanyakan syarikat akan cenderung untuk mengupah *Big 4* untuk mengaudit syarikat mereka.

Perbincangan di atas memberikan bukti bahawa korelasi tertinggi antara pembolehubah bebas dan pembolehubah terkawal adalah antara bilangan subsidiari (SUBS) dan saiz syarikat (SIZE) pada 0.590. Rule of thumb menyatakan bahawa korelasi antara pembolehubah bebas yang melebihi 0.70 (Anderson, Sweeney, dan William, 1996) atau melebihi 0.9 (Tabachnick dan Fidell, 2007) menandakan kemungkinan terdapat masalah dalam sesuatu hubungan korelasi tersebut. Ini menunjukkan bahawa masalah multicollinearity tidak timbul dalam kajian ini.

Jadual 4.6: Pearson Correlation

		ARL	AUDTYP	INVREC	SUBS	LEV	LOSS	SIZE	AUDOPI
ARL	Pearson Correlation	1							
	Sig. (2-tailed)								
	N	698							
AUDTYP	Pearson Correlation	-.245**	1						
	Sig. (2-tailed)	.000							
	N	698	698						
INVREC	Pearson Correlation	.056	.043	1					
	Sig. (2-tailed)	.139	.252						
	N	698	698	698					
SUBS	Pearson Correlation	.042	.249**	.016	1				
	Sig. (2-tailed)	.264	.000	.681					
	N	698	698	698	698				
LEV	Pearson Correlation	.022	-.033	-.008	-.034	1			
	Sig. (2-tailed)	.561	.381	.832	.376				
	N	698	698	698	698	698			
LOSS	Pearson Correlation	.229**	-.197**	.031	-.020	.101**	1		
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.419	.594	.007			
	N	698	698	698	698	698	698		
SIZE	Pearson Correlation	-.289**	.515**	-.015	.590**	-.237**	-.258**	1	
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.688	.000	.000	.000		
	N	698	698	698	698	698	698	698	
AUDOPI	Pearson Correlation	.053	-.033	-.001	-.093*	.441**	.153**	-.258**	1
	Sig. (2-tailed)	.166	.390	.978	.014	.000	.000	.000	
	N	698	698	698	698	698	698	698	698

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

* . Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed)

4.4 Analisis Regresi

Ordinary least squares (OLS) regression digunakan untuk mengkaji hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas. Dengan menggunakan teknik *multiple regression*, Jadual 4.7 menunjukkan laporan analisis regresi untuk dua model iaitu Model 1 dan Model 2. *R Square* adalah ukuran statistik yang digunakan untuk mengukur keupayaan model untuk menerangkan variasi pembolehubah bebas.

Dalam Model 1, *R Square* ialah 0.182 dan *adjusted R Square* adalah 0.173. Ini menunjukkan bahawa Model 1 menjelaskan 18.2% daripada pembolehubah bersandar dijelaskan oleh pembolehubah bebas. Keputusan *R Square* yang sama dilihat untuk Model 2. Berdasarkan *adjusted R Square* bagi Model 1, ia menunjukkan bahawa 17.3% daripada jumlah varians kelewatan audit dijelaskan oleh pembolehubah bebas dan pembolehubah terkawal. Manakala baki 82.7% dijelaskan oleh faktor-faktor selain daripada 9 pembolehubah ini. *Adjusted R Square* bagi Model 2 ialah 17.2% menunjukkan perubahan kecil iaitu sebanyak 0.001 dikesan. Selain itu, *F-Statistics* sangat signifikan bagi Model 1 dan Model 2 pada (F-stat = 21.894, $p < 0.000$) dan (F-stat = 17.042, $p < 0.000$) masing-masing. Ini menunjukkan bahawa model ini secara signifikan telah menerangkan variasi dalam kelewatan audit di Malaysia.

H1 meramalkan hubungan negatif antara jenis juruaudit (AUDTYP) dengan kelewatan audit. Seperti yang ditunjukkan dalam Model 1, keputusan regresi menyokong H1 yang bermaksud *Big 4* sebagai firma audit besar dapat menjalankan peranannya dalam memendekkan selang masa pelaporan audit. Keputusan ini boleh dilihat dari parameter β_1 dengan nilai negatif 0.089 dalam Model 1 dan 0.090 dalam Model 2. Ini bermakna satu unit peningkatan dalam jenis juruaudit akan mengurangkan selang masa laporan audit sebanyak 0.089 dalam Model 1 dan

0.090 dalam Model 2 dengan anggapan faktor-faktor lain tetap malar. Hal ini berlaku kerana *Big 4* mempunyai lebih ramai pakar dan kakitangan yang ramai menyebabkan mereka lebih fleksibel untuk menjadualkan waktu bekerja untuk memastikan proses pengauditan dapat disiapkan lebih awal. Keputusan ini selaras dengan kajian terdahulu yang dijalankan oleh Ahmad dan Kamarudin (2003) dan Ashton *et al.*, (1989). Namun, apabila pembolehubah baru dimasukkan ke dalam Model 2, jenis juruaudit menjadi tidak signifikan.

H2a mengandaikan bahawa sekiranya nilai inventori dan akaun belum terima (INVREC) besar, masa yang diperlukan untuk menjalankan proses pengauditan adalah lebih lama. Walau bagaimanapun, H2a gagal disokong dalam kedua-dua Model 1 dan Model 2. Che-Ahmad dan Abidin (2008) juga mendapati bahawa INVREC tidak signifikan dengan kelewatan audit. Bagi H3a pula, keputusan regresi menyokong dan membuktikan bahawa bilangan subsidiari mempunyai kesan yang positif serta signifikan terhadap kelewatan audit. Penemuan ini selaras dengan kajian lalu yang dijalankan oleh Rusmin dan Evans (2017); Habib & Bhuiyan (2011); Che-Ahmad dan Abidin (2008); Lee dan Jahng (2008); Jaggi & Tsui (1999); dan Ng & Tai (1994).

H2b (AUDTYP * INVREC) dan H3b (AUDTYP * SUBS) adalah pembolehubah eksperimen baru yang cuba diuji dalam kajian ini melalui Model 2. Adalah dipercayai bahawa kedua-dua jenis kompleksiti iaitu bilangan syarikat subsidiari (SUBS) dan nisbah inventori dan akaun belum terima kepada jumlah aset (INVREC) mempunyai hubungan negatif dengan kelewatan audit. Berdasarkan keputusan analisis regresi, kedua-dua pembolehubah eksperimen tersebut tidak cukup signifikan untuk mempengaruhi kelewatan audit.

Bagi pembolehubah terkawal pula, dijangkakan terdapat hubungan negatif antara leveraj (LEV) dengan kelewatan audit. Keputusan analisis regrasi menunjukkan bahawa leveraj mempunyai hubungan negatif dan signifikan dengan kelewatan audit. Ini dapat dilihat dari parameter β_4 dengan nilai negatif 0.074 dalam Model 1 dan 0.076 dalam Model 2. Penemuan kajian ini adalah sejajar dengan kajian lepas yang dilakukan oleh Clatworthy dan Peel (2016); Al-Ajmi (2008); dan Jensen dan Meckling (1976) mendapati bahawa syarikat-syarikat yang mempunyai leveraj tinggi cenderung mempercepat penerbitan laporan tahunan. Diandaikan terdapat hubungan positif antara jenis pendapatan (LOSS) dan kelewatan audit. Keputusan ini boleh dilihat dari parameter β_5 dengan nilai positif 0.119 bagi kedua-dua Model 1 dan Model 2. Ini bermakna, penambahan unit dalam jenis pendapatan akan meningkatkan kelewatan audit sebanyak 0.119 dengan andaian ekonomi bahawa faktor-faktor lain tetap malar. Pada mana-mana tahap signifikan, p-value bagi jenis pendapatan adalah signifikan secara statistik. Nilai p-value 0.001 adalah kurang daripada 10% membuktikan jenis pendapatan secara positif dan signifikan dalam menerangkan perubahan dalam kelewatan audit. Carslaw dan Kaplan (1991) mendapati bahawa apabila syarikat mengalami kerugian, sebagai tindak balas kepada kerugian yang dilaporkan, kemungkinan juruaudit untuk menjalankan proses pengauditan dengan lebih teliti akan meningkat dan pada masa yang sama syarikat mungkin akan menanggukkan penyebaran berita buruk daripada masuk ke pasaran. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian lepas yang dijalankan oleh (Habib dan Bhuiyan, 2011; Afify, 2009; Ku Ismail dan Chandler, 2004; dan Bamber *et al.*, 1993).

Bagi pembolehubah terkawal iaitu saiz syarikat, keputusan analisis regrasi adalah selaras dengan kajian terdahulu yang dijalankan oleh Habib dan Bhuiyan (2011); Afify (2009) Al-Ajmi (2008); Owusu-Ansah dan Leventis (2006); Ku Ismail dan Chandler (2004); Owusu-Ansah (2000); Carslaw dan Kaplan (1991); dan Cooke (1996). Pengkaji lepas mendapati

bahawa semakin besar saiz syarikat, semakin singkat tempoh masa yang diperlukan bagi penyediaan penyata kewangan beraudit. Berdasarkan Jadual 4.7, walaupun dari bukti empirikal yang menunjukkan bahawa pembolehkan bebas iaitu pendapat audit (AUDOPI) mempunyai hubungan positif dengan kelewatan audit, dapatan kajian ini tidak menyokong kajian terdahulu bahawa AUDOPI mempunyai kesan yang signifikan terhadap ARL. Penemuan ini adalah tidak konsisten dengan kajian yang dijalankan oleh Shukeri dan Nelson (2011); Türel (2010); Lee dan Jahng (2008); Ahmad *et al.* (2005); Ahmad dan Kamarudin, (2003); dan Bamber *et al.* (1993).



Jadual 4.7: Multiple regression (n = 698)

	Model 1 OLS				Model 2 OLS			
	Coefficients	Std. Error	t-statistic	Sig.	Coefficients	Std. Error	t-statistic	Sig.
(Constant)		0.132	41.747	.000		0.138	40.078	.000
AUDTYP	-0.089	0.020	-2.183	.029	-0.090	0.054	-0.823	.411
INVREC	0.045	0.004	1.292	.197	-0.238	0.050	-0.539	.590
SUBS	0.306	0.011	6.990	.000	0.316	0.016	5.058	.000
AUDTYP * INVREC	-	-	-	-	0.285	0.050	0.642	.521
AUDTYP * SUBS	-	-	-	-	-0.022	0.019	-0.188	.851
LEV	-0.074	0.00	-1.892	.059	-0.076	0.003	-1.942	.052
LOSS	0.119	0.02	3.277	.001	0.119	0.021	3.249	.001
SIZE	-0.413	0.008	-7.853	.000	-0.419	0.008	-7.854	.000
AUDOPI	-0.014	0.081	-.355	.723	-0.014	0.081	-0.364	.716
<i>Model Summary</i>								
R Square		0.182				0.182		
Adjusted R Square		0.173				0.172		
F Statistics		21.894				17.042		
Sig.		0.000				0.000		

a. Dependent Variable: Audit report lag (days)

b. Predictors: (Constant), Audit Opinion, AUDTYP * INVREC, Number of Subsidiaries, Sign of Income, Auditor Types, Leverage, Company Size, AUDTYP * SUBS, Inventory Receivable

BAB LIMA

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1 Pengenalan

Bab ini adalah bahagian terakhir dalam desertasi ini. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti peranan juruaudit dalam hubungan antara kompleksiti dan kelewatan audit. Seiring dengan itu, kajian itu menganalisis hubungan antara jenis juruaudit (AUDTYP), kompleksiti (INVREC dan SUBS), leveraj (LEV), jenis pendapatan (LOSS), saiz syarikat (SIZE) dan pendapat audit (AUDOPI) kepada pembolehubah bersandar iaitu kelewatan dalam pelaporan audit. Ujian hipotesis yang dijalankan telah membantu dalam mengenal pasti pembolehubah yang paling berpengaruh serta mempunyai kesan yang besar ke atas selang masa dalam proses pengauditan yang dijalankan oleh juruaudit luaran. Beberapa batasan yang dihadapi semasa penyelidikan dinyatakan dalam bab ini. Kesimpulan kajian dibincangkan berdasarkan daripada analisis yang telah dijalankan dalam bab sebelumnya dan diikuti dengan cadangan untuk kajian masa depan yang berkaitan dengan kelewatan dalam pelaporan audit di Bursa Malaysia.

5.2 Batasan Kajian

Disebabkan kekangan masa dan data sedia ada, kajian ini terhad kepada data syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia sahaja. Oleh sebab itu, syarikat yang tidak tersenarai di Bursa Malaysia telah dikecualikan. Sampel kajian dipilih bagi tempoh dua tahun iaitu dari tahun 2015 dan 2016. Selain itu, kajian ini tidak memberi tumpuan kepada sebarang industri

tertentu dan memilih 698 buah syarikat dari pelbagai sektor. Kajian ini juga hanya memberi tumpuan kepada syarikat bukan kewangan dan tidak memilih institusi kewangan sebagai sebahagian dari sampel yang diuji. Oleh yang demikian, keputusan dan penemuan kajian ini berkemungkinan hanya boleh digeneralisasikan terhadap syarikat bukan kewangan yang beroperasi di Malaysia sahaja.

Kajian ini menggunakan bilangan hari untuk mengukur kelewatan laporan audit dan bukannya berdasarkan jumlah masa yang menghabiskan untuk menjalankan kerja pengauditan. Maka, terdapat kemungkinan masalah pengukuran masa jika firma audit menjalankan pengauditan melebihi tempoh masa bekerja biasa. Di samping itu, disebabkan masa yang terhad, kajian ini hanya memberi tumpuan kepada juruaudit luaran dan kompleksiti perniagaan sebagai penentu kelewatan masa pelaporan audit. Oleh yang demikian, mungkin ada pembolehubah lain yang mempengaruhi kelewatan pelaporan audit yang tidak dipertimbangkan dalam kajian ini yang berkebarangkalian menghalang skop dan penyebaran hasil kajian ini.

5.3 Rumusan

Laporan audit merupakan instrument penting yang digunakan oleh pelabur bagi tujuan membuat keputusan pelaburan. Analisis deskriptif yang dijalankan ke atas 698 buah syarikat awam yang tersenarai di Bursa Malaysia dari tahun 2015 hingga 2016 telah menunjukkan purata masa yang diambil oleh juruaudit luaran untuk mengaudit akaun syarikat adalah selama 95.5 hari dengan minimum 14 hari dan maksimum 167 hari. Berdasarkan purata masa yang diambil iaitu sebanyak 95.5 hari, ia menunjukkan kebanyakan syarikat tersebut telah mematuhi Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia dengan menerbitkan laporan kewangan

beraudit dalam tempoh empat bulan (120 hari) selepas tarikh akhir tahun kewangannya. Walau bagaimanapun, terdapat juga syarikat-syarikat yang gagal menerbitkan laporan kewangan beraudit dalam tempoh yang ditetapkan melibatkan 7 (2%) dan 3 (0.9%) syarikat bagi tahun 2015 dan 2016.

Terdapat dua jenis model yang digunakan dalam kajian ini iaitu Model 1 dan Model 2. Bagi pembolehubah bebas, Model 1 dan Model 2 menguji hubungan antara kelewatan audit dengan jenis juruaudit serta kompleksiti yang terdiri daripada nisbah penghutang dan inventori kepada jumlah aset, serta jumlah subsidiari. Model 2 pula menggunakan jenis juruaudit sebagai pembolehubah perantara antara kompleksiti (nisbah penghutang dan inventori kepada jumlah aset, serta jumlah subsidiari) dengan kelewatan audit untuk menunjukkan peranan yang dimainkan oleh juruaudit ke atas kompleksiti perniagaan bagi mengurangkan kelewatan audit. Manakala bagi pembolehubah terkawal pula, kedua-dua model menguji 4 jenis pembolehubah terkawal yang sama iaitu leveraj, jenis pendapatan, saiz syarikat dan pendapat audit.

Berdasarkan dapatan kajian, Model 1 menunjukkan jenis juruaudit, jumlah subsidiari, leveraj, jenis pendapatan, serta saiz syarikat mempunyai hubungan yang signifikan dengan kelewatan laporan audit. Manakala bagi Model 2 pula, terdapat empat pembolehubah bebas yang signifikan menyumbang kepada kelewatan pelaporan audit iaitu jumlah subsidiari, leveraj, jenis pendapatan, dan saiz syarikat.

Hasil analisis menunjukkan semakin banyak bilangan subsidiari bagi sesebuah syarikat, semakin panjang proses audit kerana operasi perniagaan pelanggan yang pelbagai dan kompleks. Dapatan kajian ini juga menunjukkan semakin tinggi tahap leveraj syarikat

semakin panjang tempoh auditan yang diambil kerana pemegang saham mungkin menuntut audit berkualiti tinggi serta menyeluruh untuk memantau wang yang mereka laburkan dalam projek yang lebih berisiko. Hubungan ketara antara jenis pendapatan dengan kelewatan laporan audit menunjukkan bahawa kecenderungan pelaporan kewangan yang cepat adalah didorong oleh keuntungan sebuah syarikat. Hasil analisis regresi juga menunjukkan hubungan negatif antara saiz syarikat dengan kelewatan audit selaras dengan justifikasi kajian lalu iaitu syarikat besar mempunyai lebih banyak kakitangan dan sistem perakaunan yang lebih baik, serta sistem kawalan dalamannya yang baik membolehkan juruaudit luar menjalankan ujian substantif yang lebih rendah.

Dapatan kajian ini menunjukkan peranan juruaudit tidak signifikan dalam menangani kompleksiti perniagaan kerana tidak dapat dibuktikan ianya dapat mengurangkan kelewatan audit di kalangan syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Malaysia kerana berlaku penurunan dalam peratusan bilangan syarikat tersenarai yang diaudit oleh *Big 4*. Hal ini berlaku kerana *Big 4* memberi penekanan yang lebih ke atas perkhidmatan bukan audit yang lebih menguntungkan seperti perkhidmatan perundingan. Selain dari itu, berkemungkinan syarikat-syarikat tersenarai telah memilih untuk menggunakan perkhidmatan juruaudit selain daripada *Big 4* disebabkan oleh faktor yuran audit yang lebih rendah ditawarkan oleh firma audit bersaiz sederhana seperti BDO, Grand Thornton dan UHY.

Oleh itu, kesimpulan di atas telah menjawab soalan penyelidikan. Secara keseluruhan, bagi Model A keputusan yang diperolehi adalah konsisten dengan H1, H3a, H4, H5 dan H6 tetapi H2a dan H7 tidak disokong. Manakala bagi Model 2 pula, H3a, H4, H5 dan H6 disokong oleh keputusan analisis regresi tetapi H1, H2a, H2b, H3b dan H7 tidak disokong. Mungkin

penemuan kajian ini akan memberi lebih banyak maklumat mengenai kelewatan audit jika mempertimbangkan semua pembolehubah.

5.4 Penyelidikan Masa Hadapan

Terdapat beberapa cadangan bagi penyelidikan masa depan berdasarkan batasan dan penemuan kajian ini. Pertama, disyorkan agar kajian masa depan dapat menggunakan masa nyata yang dibelanjakan untuk mengaudit akaun syarikat dan bukan bilangan hari sebagai ukuran untuk masa yang diambil untuk menyelesaikan kerja audit. Alasannya adalah dengan menggunakan jam kerja sebenar dalam mengenal pasti kelewatan audit akan memberikan keputusan kajian yang lebih tepat kerana terdapat kemungkinan bahawa sebilangan firma audit telah menghabiskan lebih daripada waktu bekerja biasa untuk menjalankan proses pengauditan ke atas syarikat pelanggannya.

Kedua, dicadangkan agar kajian masa hadapan dapat mengelaskan sampel berdasarkan industri. Sebagai contoh, adakah jenis juruaudit mempengaruhi kelewatan pelaporan audit bagi industri kewangan dan perbankan ataupun industri-industri lain seperti pertahanan, perjudian, insurans dan sebagainya? Ketiga, kajian masa depan boleh memperbesarkan tempoh masa pengujian sampel untuk mendapatkan kesimpulan yang lebih realistik.

Keempat, keputusan yang diperolehi dalam kajian ini adalah berdasarkan data yang boleh diakses secara umum melalui laman sesawang Bursa Malaysia. Kajian masa depan boleh menggunakan pendekatan penyelidikan lain seperti dengan cara membuat kaji selidik

atau temubual dengan juruaudit luaran agar dapat menyediakan penjelasan yang lebih terperinci terhadap topik ini.

Selain dari itu, kajian ini juga menghadapi pelbagai batasan lain seperti seperti saiz sampel yang terhad, kekangan masa, serta pendedahan maklumat yang terhad. Oleh itu, kajian masa depan dicadangkan untuk mengatasi batasan tersebut.




Rujukan

Abdel-Khalik, A. R. (1993), “Why do private companies demand auditing? A case for organizational loss of control”, *Journal of Accounting, Auditing and Finance*, Vol. 8, No. 1, 31-52.

Abdulla, J. Y. A. (1996). The timeliness of Bahraini annual reports. *Advances in International Accounting*, 9, 73-88.

Abidin, S & Ahmad-Zaluki, N. A. (2012). Auditor Industry Specialism and Reporting Timeliness. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 65(2012), 873–878.

Adams, M. B. (1994). Agency theory and internal audit. *Managerial Auditing Journal*, 9(8), 8-12.



Afify, H.A.E. (2009). Determinants of audit report lag: Does implementing corporate governance have any impact? Empirical evidence from Egypt. *Journal of Applied Accounting Research*, 10(1), 56-86,

Ahmad, M., Mohamed, H. & Nelson, S. P. (2016). The association between specialist auditor and financial reporting timeliness – post MFRS period. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 219(2016), 55 – 62.

- Ahmad, R., & Kamarudin, K. (2003). Audit delay and the timeliness of corporate reporting: Malaysian evidence. *Paper presented at the Communication Hawaii International Conference on Business.*
- Al-Ajmi, J. (2008). Audit and reporting delays: Evidence from an emerging market. *Advance in accounting, incorporating advance in international accounting*. 24, 217-226.
- Aldaoud, K. A. M. (2105). The influence of corporate governance and ownership concentration on the timeliness of financial reporting in Jordan. (Doctoral dissertation, College of Business, University Utara Malaysia). Diperolehi daripada <http://www.uum.edu.my>
- Alhazaimah, A., Palaniappan, R., & Almsafir, M. (2014). The Impact of Corporate Governance and Ownership Structure on Voluntary Disclosure in Annual Reports among Listed Jordanian Companies. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 129(2014), 341–348.
- Almosa, A. S. & Alabbas, M. (2007). Audit delay: evidence from listed joint stock companies in Saudi Arabia. King Khalid University, Abha, Saudi Arabia, *Working Paper Series*.
- Anderson, D., Sweeney, D. & William, T. (1996). *Statistic for Business and Economics*, West Publishing Co.
- Ashton, R. H., Willingham, J. J. & Elliott, R.K. (1987), An empirical analysis of audit delay. *Journal of Accounting Research*, 25(2), 275-292

- Ashton, R. H., Graul, P. R., & Newton, J. D. (1989). Audit delay and the timeliness of corporate reporting. *Contemporary Accounting Research*, 5(2), 657-673.
- Aziz, A. A., Isa, F., & Abu, M. F. (2014). Audit Report Lags of Federal Statutory Bodies in Malaysia. *Paper presented at the International Conference on Economics, Management and Development*
- Austine, O. E., Chijioke, O. M., & Henry, S. A. (2013). Audit firm rotation and audit report lag in Nigeria. *IOSR Journal of Business and Management*, 12(4), 13-19.
- Ayemere, I. L., & Elijah, A. (2015). Corporate attributes and audit delay in emerging markets: Empirical evidence from Nigeria. *International Journal of Business and Social Research*, 5(3), 1-10
- Azubike, J. U. (2014). Corporate Governance and Audit Delay in Nigerian Quoted Companies. *European Journal of Accounting and Finance Research*, 2(10), 22– 33.
- Bakar, N. A., Arshad, R., Omar, N., & Razali, W. A. A. (2014). Governance and Financial Reporting Practices: Assessment of FATF and APG Guidelines on Malaysian Companies Limited by Guarantee. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 145, 254–265.
- Bar-Yosef, S., & Livnat, J. (1984). Auditor selection: An incentive-signalling approach. *Accounting and Business Research*, 14(56), 301-309.

- Bamber, E.M., Bamber, L.S., & Schoderbek, M. P. (1993). Audit structure and other determinants of audit report lag: An empirical analysis. *Auditing*, 12(1), 1.
- Bean, D. F., & Bernardi, R. A. (2003). Improvements in Audit Report Lag and Reporting Timeliness: A Non-Event for Technology Advances. *Journal of Business and Economics Research (JBER)*, 1(2), 1-12.
- Behn, B. K., Searcy, D. L., & Woodroof, J. B. (2006). A within firm analysis of current and expected future audit lag determinants. *Journal of Information Systems*. 20(1), 65-75.
- Blankley, A. L., Hurtt, D. N., & MacGregor, J. E. (2015). Are lengthy audit report lags a warning signal? *Current Issues in Auditing*, 9(2), 19-28.
- Brown, P., Dobbie, G. W., & Jackson, A. B. (2011). Measures of the timeliness of earnings. *Australian Accounting Review*, 21(3), 222-234.
- Bursa Malaysia (2018) Main Market Chapter 9 Continuing Disclosure available at http://www.bursamalaysia.com/misc/system/assets/5949/MAIN_Chap9_CIS_30June2018_v2.pdf. Diperolehi pada 20/09/2018.
- Bursa Malaysia (2018). ACE Market Chapter 9 Continuing Disclosure available at http://www.bursamalaysia.com/misc/system/assets/15285/ACE_Chap9_CA_2Jan2018.pdf. Diperolehi pada 20/09/2018.

- Campa, D. (2013). Big 4 Fee Premium and Audit Quality: Latest Evidence from UK Listed Companies. *Managerial Auditing Journal*, 28(8), 680-707
- Carslaw, C. A.P.N. & Kaplan, S. E. (1991). An Examination of Audit Delay: Further Evidence from New Zealand. *Accounting and Business Research*, 22(85), 21-32.
- Chambers, A. E., & Penman, S. H. (1984). Timeliness of reporting and the stock price reaction to earning announcements. *Journal of Accounting Research*, 22(1), 21-47.
- Che-Ahmad, A. & Abidin, S. (2008). Audit Delay of Listed Companies: A Case of Malaysia. *International Business Research*. Vol. 1, No. 4, 32-39.
- Clatworthy, M. A. & Peel, M. J. (2016). The timeliness of UK private company financial reporting: regulatory and economic influences, Diperolehi daripada SSRN 8th September 2018, https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=2814574
- Cohen, J. Krishnamoorthy, G. & Wright A. (2004). The corporate governance mosaic and financial reporting quality. *Journal of Accounting Literature*, 23, 87-152.
- Cooke, T. E. (1989). Disclosure in the corporate annual reports of Swedish Companies. *Accounting and Business Research*, 19(74), 113-124.
- Cooke, T. E. (1996). The Influence of the Keiretsu on Japanese Corporate Disclosure. *Journal of International Financial Management & Accounting*, 7(3):191 - 214

- Craswell, A. T., Francis, J. R. & Taylor, S. L. (1995). Auditor brand name reputations and industry specializations. *Journal of Accounting and Economics*, 20, 297-322.
- Davis, G .F., & Cobb, J. A. (2010). Resource Dependency Theory: Past and future. *Research in the Sociology of Organizations*, 28(1), 21-42.
- Dyer, J. C., & Mchugh, A. J. (1975). The timeliness of the Australian Annual Reports. *Journal of Accounting Research*, 13, 204-219.
- El-Bannany, M. (2008). Factor affecting audit report lag in bank: The Egyptian case. *Corporate Ownership and Control*. 5(3), 54-61.
- Enrique, B., Tomas, E-R. & Borrero-Dominguez, C. (2008). Empirical analysis of delays in the signing of audit reports in Spain. *International Journal of Auditing*. 12(2), 129-140.
- Errunza, V. R., & Losq, E. (1985). The behaviour of stock prices on LDC markets. *Journal of Banking and Finance*, 9(4), 561-575.
- Givoly, D., & Palmon, D. (1982). Timeliness of Annual Earnings Announcements: Some Empirical Evidence." *The Accounting Review*. 486-508.
- Habib, A., & Bhuiyan, M. B. U. (2011). Audit firm industry specialization and the audit report lag. *Journal of International Accounting, Auditing and Taxation*, 20(1), 32-44.

Haislip, J. Z., Peters, G. F., & Richardson, V. J. (2013). The Effect of Auditor IT Expertise on Internal Controls-A Resource-Dependence Theoretical Perspective

Hassan, Y. M. (2016). Determinants of audit report lag: Evidence from Palestine. *Journal of Accounting in Emerging Economies*, 6(1), 13-32

Hashim, J. & Rahman, A. R. (2011). Audit report lag the effectiveness of audit committee among Malaysian listed companies. *International Bulletin of Business Administration*, 10, 50-61.

Holmstrom, B. (1979). Moral hazard and observability. *The Bell Journal of Economics*, 10(1), 74-91.

Lee, H. Y., & Jahng, G. J. (2008). Determinants of audit report lag: Evidence from Korea – An Examination of auditor-related factors. *Journal of applied business research*. 24(2), 27-44.

IFRS (2008). Financial accounting series. Statement of financial accounting standards no. 1570-100: Exposure draft on an improved conceptual framework for financial reporting. Norwalk

Ika, S. R., & Ghazali, N. a. M. (2012). Audit committee effectiveness and timeliness of reporting: Indonesian evidence. *Managerial Auditing Journal*, 27, 403-424.

- Ismail, H., Mustapha, M., & Cho, O. M. (2012). Timeliness of audited financial reports of Malaysian listed companies. *International Journal of Business and Social Science*, 3(22), 242-247
- Jaggi, B., & Tsui, J. (1999). Determinants of audit report lag: Further evidence from Hong Kong. *Accounting and Business Research*, 30(1), 17-28.
- Jensen, M. C., & Meckling, W. H. (1976). Theory of the firm: Managerial behavior, agency costs and ownership structure. *Journal of financial economics*, 3(4), 305-360.
- Knechel, W. R. & Payne, J. L. (2001). Additional evidence on audit report lag. *Auditing: A Journal of Practice and Theory*, 137-146.
- Ku Ismail, K., & Chandler, R. (2004). The timeliness of quarterly financial reports of companies in Malaysia. *Asian Review of Accounting*, 12(1), 1-18.
- Ku Ismail, K., & Chandler, R. (2005). Disclosure in the quarterly reports of Malaysian companies. *Financial Reporting, Regulation & Governance*, 4(1), 1-25.
- Lee, H. Y., & Jahng, G. J. (2008). Determinants of audit report lag: Evidence from Korea - An examination of auditor-related factors. *Journal of Applied Business Research*, 24(2), 27-44.

Leventis, S., & Weetman, P. (2004). Timeliness of financial reporting: applicability of disclosure theories in an emerging capital markets. *Accounting and Business Research*, 24(1), 43-56.

Leventis, S., Weetman, P., & Caramanis, C. (2005). Determinants of audit report lag: Some evidence from the Athens Stock Exchange. *International Journal of Auditing*, 9(1), 45-58.

Mohamad-Nor, M. N., Shafie, R., & Wan Hussin, W.N., (2010). Corporate Governance and Audit Report Lag in Malaysia. *Asian Academy of Management Journal of Accounting and Finance*, 6(2), 57-84.

Moizer, P. (1992). State of the art in audit market research. *European Accounting Review*, 1(2), 333-348.

Morris, R. D., (1987). Signalling, agency theory and accounting policy choice. *Accounting and Business Research*, 18(69), 47-56

Mukhtaruddin, Oktarina, R., Relasari & Abukosim (2015). Firm and Auditor Characteristics, And Audit Report Lag in Manufacturing Companies Listed on Indonesia Stock Exchange during 2008-2012. *Expert Journal of Business and Management*, 3(1), 13-26.

Ng, P. P., & Tai, B. Y. K. (1994), An Empirical Examination of the Determinants of Audit Delay in Hong Kong. *British Accounting Review*, 26(1), 43-59.

- Owusu-Ansah, S. (2000). Timeliness of corporate financial reporting in emerging capital markets: Empirical evidence from the Zimbabwe Stock Exchange. *Accounting and business research*, 30(3), 241-254.
- Owusu-Ansah, S. & Leventis, S. (2006). Timeliness of corporate annual financial reporting in Greece. *European Accounting Review*, 15(2), 273-287.
- Pham, T., Dao, M., & Brown, V. L. (2014). Investment opportunities and audit report lags: Initial evidence. *Accounting and Finance Research*, 3(4), 45-57.
- Pfeffer, J. (1972). Size and composition of corporate boards of directors: The organization and its environment, *Administrative Science Quarterly*, 17(2), 218-228.
- Pfeffer, J., & Salancik, G. R. (1978). The External Control of Organizations: A Resource Dependence Perspective. *New York: Haper & Row.*
- Pfeffer, J., & Salancik, G. R. (2003). The External Control of Organizations: A Resource Dependence Perspective. *California: Stanford University Press.*
- Pilbeam, C. (2012). Pursuing Financial Stability: A Resource Dependence Perspective on Interactions between Pro-vice Chancellors in a Network of Universities. *Studies in Higher Education*, 37(4), 415-429.
- Ruigrok, W., Peck, S., & Tacheva, S. (2007). Nationality and Gender Diversity on Swiss Corporate Boards. *Corporate Governance an International Review*, 15(4), 546-557.

- Rusmin, R. & Evans, J. (2017). Audit quality and audit report lag: Case of Indonesian Listed Companies. *Asian Review of Accounting*, 25(2), 191-210.
- Salleh, Z., Baatwah, S. A. & Ahmad, N. (2017). Audit committee financial expertise and audit report lag: Malaysia further insight. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 8, 137-150.
- Schwartz, K. B., & Soo, B. S. (1996). The association between auditor changes and reporting lags. *Contemporary Accounting Research*. 13(1), 353-370.
- Sekaran, U.M. (2003). *Research methods for business: A skill building approach*. USA, New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Sherer, M., & Kent, D. (1983). *Auditing and Accountability*. Pitman: London.
- Shukeri, S. N., & Islam, M. A. (2012). The Determinants of Audit Timeliness: Evidence from Malaysia. *Journal of Applied Sciences Research*, 8(7), 3314-3322.
- Shukeri, S. N., & Nelson, S. (2011). Timeliness of Annual Audit Report: Some Empirical Evidence from Malaysia, Retrieved from SSRN 4th September 2018, from <http://ssrn.com/abstract=1967284>
- Soltani, B. (2002). Timeliness of corporate and audit report: Some empirical evidence in French context. *The International Journal of Accounting*. 37, 215-246.

Spence, M. (1973). Job market signalling. *Quarterly Journal of Economics*, 87(3), 355-374.

Stiglitz, J.E. (2000), The contributions of the economics of information to twentieth century economics. *Quarterly Journal of Economics*, 115(4), 1441-1478.

Tabachnick, B.G. & Fidell, L.S. (2007). *Using Multivariate Statistics*, 5th ed. USA: Pearson Education Inc.

Walker, K. B. & Johnson, E. N. (1996). A review synthesis of research on supplier concentration, quality and fee structure in non-US market for auditor services, *The International Journal of Accounting*, 31(1). 1-18.

Wallace, R.S.O. (1993). Development of accounting standards for developing and newly industrialised countries. *Research in Accounting in Emerging Economies*, 2, 121-165.

Watts, R. L., & Zimmerman, J. (1983). Agency problems, auditing, and the theory of the firm: some evidence. *Journal of Laws and Economics*, 26, 613-634.

Watts, R. L., & Zimmerman, J. L. (1986). *Positive accounting theory*, Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

Weets, V. (1999). Who will be the new auditor? *Working paper*, University of Ghent.